




● BIL 266 ● 14 - 20 JUN 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

# WILAYAHKU

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)



	Singapura	RM8.79
	Myanmar	RM5.40
	Filipina	RM4.75
	Kemboja	RM4.64
	Laos	RM4.56
	Indonesia	RM4.43
	Thailand	RM4.24
	Vietnam	RM3.69
	Malaysia	RM3.35
	Brunei	RM1.09

# DEMI NEGARA >>> 2-3

**Pyanhabib senama dengan Kuala Lumpur**  
>> 8

**Generasi pekak**  
>> 9 - 11

**Masih relevankah lagi dunia sastera?**  
>> 15

Penjimatan subsidi

# Rakyat bakal terima pelbagai manfaat

SYED HAZIQUE

**P**ENYELARASAN subsidi bersasar diesel yang telah diumumkan baru-baru ini dilihat sebagai satu langkah yang tepat memandangkan kos subsidi bahan api semakin meningkat dan bakal membebankan kesihatan kewangan negara.

Kerajaan juga yakin usaha ini mampu membanteras ketirisan hasil negara kepada pihak luar selain memberi wang subsidi bersasar kepada golongan yang tepat dan lebih memerlukan.

Ikuti penerangan daripada Jurucakap Kementerian Kewangan terhadap penyesaran subsidi diesel bersasar.

**Dengan bantahan daripada pelbagai pihak, kenapa kerajaan tetap ingin laksanakan program penyesaran diesel?**

Matlamat utama kerajaan dalam penyesaran semula subsidi diesel adalah untuk memastikan kelestarian ekonomi negara, mengurangkan ketirisan kepada aktiviti penyeludupan dan memastikan penggunaan subsidi diesel hanya kepada sektor yang wajar dibantu seperti sektor pengangkutan darat awam dan logistik pengangkutan darat barangan.

Fokus utama kerajaan adalah untuk menangani ketirisan dan penyelewengan subsidi diesel. Pada masa yang sama dalam melaksanakan Program BUDI MADANI, kerajaan komited untuk memastikan impak kepada rakyat adalah minimum.

**Ke manakah wang penyesaran subsidi ini akan dibelanjakan?**

Hasil daripada penjimatan subsidi ini akan disalurkan semula untuk memanfaatkan rakyat dan kepada pembangunan negara. Antaranya akan digunakan bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang berkualiti serta mengukuhkan jaringan perlindungan sosial yang lebih



inklusif selaras dengan hasrat Kerajaan dalam menaikkan lantai di bawah Ekonomi MADANI.

Sebahagian daripadanya akan dipulangkan kepada rakyat yang memerlukan manakala sebahagian lagi akan digunakan untuk pembangunan sosioekonomi dan pengurusan fiskal negara.

**Apakah justifikasi bagi penetapan bantuan RM200 ini?**

Bantuan tunai ini adalah untuk penerima menampung peningkatan kos bahan api berikutan penyesaran subsidi diesel.

Ia bukan bertujuan untuk menampung sepenuhnya kos minyak pemilik kenderaan diesel atau peladang yang menggunakan mesin diesel.

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan, kira-kira 80 peratus pengguna kereta diesel dari isi rumah dengan pendapatan di bawah RM100,000 setahun melakukan perjalanan kurang dari 70 kilometer (km) sehari.

Ini bermakna bantuan BUDI MADANI sebanyak RM200 sebulan dijangka memadai untuk menampung kenaikan harga diesel ekoran penyesaran subsidi ini.

**Mengapa Sabah, Sarawak dan Labuan dikesualikan dalam**

**penyesaran subsidi diesel?**

Mengambil kira kebergantungan tinggi ekonomi tempatan ke atas bahan api diesel dan keperluan pembangunan di Sabah dan Sarawak, kerajaan bersetuju tidak melaksanakan penyesaran subsidi diesel di Sabah dan Sarawak buat masa ini.

Ini mengambil kira faktor geografi serta kebolehlaksanaan mekanisme *fleet card* terutamanya di kawasan pedalaman.

Pelaksanaan di Semenanjung Malaysia juga dilihat sebagai usaha fasa pertama yang memberi ruang kepada syarikat-syarikat minyak untuk membangunkan kemudahan serta infrastruktur dan bersedia sekiranya akan diperluas ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Apakah manfaat yang akan diterima oleh golongan yang mampu dan juga pembayar cukai terbesar?**

Pada tahun 2023, kerajaan membelanjakan lebih RM80 bilion bagi keseluruhan subsidi, insentif dan bantuan termasuk subsidi pertanian, bantuan tunai dan jumlah terbesar perbelanjaan adalah bagi tujuan subsidi kepenggunaan iaitu sebanyak RM50 bilion

termasuk subsidi petrol, diesel dan gas cecair memasak, skim subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik dan subsidi harga ayam dan telur.

Jumlah tanggungan subsidi ini adalah jauh lebih tinggi berbanding kutipan cukai individu yang dipungut.

Berdasarkan statistik, pembayar cukai individu hanya merangkumi 15 peratus dari 16 juta tenaga kerja dan penyumbang terbesar cukai adalah cukai syarikat berbanding cukai individu.

Hasil cukai ini digunakan bagi menyediakan akses pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada segenap lapisan masyarakat di samping memastikan infrastruktur awam berada dalam keadaan yang baik.

Kerajaan juga menyediakan insentif cukai kepada pembayar cukai sebagai pelepasan cukai tambahan.

**Mengapakah kenderaan mewah dikesualikan daripada BUDI Individu dan apakah takrifan kenderaan mewah?**

Penyesaran subsidi diesel adalah untuk memastikan perbelanjaan subsidi diberikan kepada golongan yang layak sahaja.

Oleh itu, kerajaan telah meletakkan syarat supaya penerima BUDI Individu terdiri dari mereka dengan pendapatan isi rumah kurang dari RM100,000 setahun dan bukan pemilik kereta mewah.

Jenama kenderaan mewah yang tidak layak termasuk BMW, Mercedes, Audi, Porsche dan Hummer. Bagi jenama-jenama ini, hanya kenderaan berusia bawah 10 tahun yang tidak layak.

Kenderaan diesel yang lazim digunakan oleh rakyat seperti Toyota Hilux, Isuzu DMax, Ford Ranger tidak termasuk dalam kategori ini kerana kerajaan sedar bahawa kenderaan jenis ini biasa digunakan oleh peniaga PMKS.

Pada masa yang sama, pemohon perlu memenuhi kriteria tambahan berikut untuk layak seperti

pemohon merupakan warganegara Malaysia; memiliki kenderaan diesel persendirian yang berdaftar dengan JPJ kecuali kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun; kenderaan yang dimiliki mempunyai cukai jalan yang aktif serta pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 dan ke bawah.

**Bagaimana kaedah penyesaran subsidi ini mampu mengelakkan daripada kenaikan harga barangan asas dan kos sara hidup rakyat?**

Sektor Logistik yang terlibat secara langsung dengan pengangkutan barangan darat masih kekal menikmati harga diesel pada harga sekarang iaitu RM2.15 seliter dengan penggunaan *fleet card* selepas harga diesel di pam diapungkan.

Bagi pengangkutan darat awam, sektor ini masih kekal menikmati subsidi diesel pada harga yang lebih rendah iaitu RM1.88 seliter.

Pengangkutan darat awam yang layak juga boleh memohon melalui MySubsidi Diesel kategori Pengangkutan Darat Awam yang telah dilaksanakan sejak tahun 2013.

Selain itu, bantuan tunai juga disediakan kepada kenderaan persendirian milik individu untuk membantu petani dan pekebun kecil bagi mengurangkan kenaikan kos harian akibat kenaikan harga diesel. Langkah-langkah ini akan membantu mengurangkan impak kenaikan harga barangan asas dan dalam masa yang sama langkah penguatkuasaan juga akan diperkukuh bagi memastikan para peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan sewenang-wenangnya.

Pelbagai operasi penguatkuasaan juga akan diperkasakan dan ditingkatkan seperti Ops Kesan, Ops Catut, Ops Terjah, Ops Tiris, Ops Menu, Ops Pasar dan Ops Samar bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan mengekang elemen pencatutan di pasaran.

## Penambahbaikan SKDS pupuk persekitaran ekonomi seimbang

**PENAMBAHBAIKAN** Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) akan memberi manfaat yang besar kepada golongan penerima serta memupuk persekitaran ekonomi yang seimbang.

Pensyarah Kanan Bahagian Ekonomi, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, **Dr Abdul Rais Abdul Latiff** berpandangan rasionalisasi subsidi ini akan memberi impak positif kepada ekonomi negara.

"Pemberian subsidi ini sebenarnya satu perkara baik buat ekonomi negara di mana ia menguatkan serta menambah

pendapatan negara di samping mengurangkan perbelanjaan subsidi yang mencecah berbilion ringgit.

"Contohnya tambah baik daripada segi tambahan jenis kenderaan pengangkutan barangan serta meningkatkan kuota asas sedia ada dapat memberi peluang rangkaian golongan lebih ramai terhadap sasaran subsidi ini," katanya ketika dihubungi *Wilayahku* baru-baru ini.

Walau bagaimanapun jelas

Abdul Rais, kerajaan perlu lebih cekap dan telus dengan mekanisme pelaksanaan agar dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat.

"Penyesaran subsidi juga sedikit sebanyak akan mempengaruhi corak isi rumah dan limpahan ekonomi, kita nak pastikan ekonomi terus kekal aktif agar ia terus berkembang dan

stabil.

"Justeru itu, kerajaan perlu memastikan rakyat mampu

adaptasi dengan pemberian subsidi agar golongan sasaran menerima manfaat tersebut," jelasnya.

Terdahulu, media melaporkan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang meneliti semua permohonan dan rayuan berkaitan penambahbaikan SKDS.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata kesemua permohonan dan rayuan tersebut akan diangkat segera untuk pertimbangan Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Diesel.

Menurut Armizan, susulan

pelaksanaan penyesaran subsidi diesel 10 Jun lalu, beberapa pihak telah mengemukakan permohonan terus kepada KPDN berkaitan penambahbaikan SKDS.

"Antara syor dikemukakan adalah mempertimbangkan beberapa tambahan jenis kenderaan pengangkutan barangan dalam senarai layak menikmati subsidi disesel di bawah SKDS 2.0.

"Kemudian, mempertingkatkan kuota asas sedia ada di bawah SKDS 1.0 bagi jenis kenderaan pengangkutan awam seperti bas sekolah dan bas ekspres," katanya.



ABDUL RAIS



KOS subsidi diesel meningkat mendadak hampir 10 kali ganda daripada RM1.4 bilion pada tahun 2019 kepada RM14 bilion pada tahun 2023.

## Penyasaran subsidi diesel

# Ambil langkah berani selamat negara

SYED HAZIQUE

**M**ATLAMAT utama kerajaan dalam menyasarkan subsidi diesel bagi memastikan kemampanan ekonomi negara dengan mengurangkan ketirisan serta impak kepada kos sara hidup rakyat.

Jurucakap Kementerian Kewangan berkata kerajaan berhasrat memastikan penggunaan diesel bersubsidi hanya kepada sektor yang wajar dibantu seperti sektor pengangkutan darat awam dan sektor logistik pengangkutan darat barangan.

Menurutnya, kos subsidi diesel meningkat mendadak hampir 10 kali ganda iaitu daripada RM1.4 bilion pada tahun 2019 kepada RM14 bilion pada tahun 2023.

“Peningkatan kos ini bukan sahaja dipengaruhi oleh harga pasaran tanpa subsidi (2019: RM2.12 seliter; 2023: RM3.41 seliter) tetapi juga jumlah penggunaan yang meningkat melebihi 70 peratus (2019: 6.1 bilion liter) (2023: 10.8 bilion liter) walaupun tiada peningkatan bilangan kenderaan diesel yang ketara.

“Malah kerajaan juga perlu menampung kos subsidi yang besar iaitu lebih satu pertiga daripada harga pasaran dan tanggungan subsidi ini telah melebihi kemampuan hasil kerajaan,” katanya.

Tambahnya, perbelanjaan subsidi yang semakin besar boleh mencetus risiko kepada kewangan negara dan menyebabkan peruntukan untuk perbelanjaan yang lebih penting terpaksa dikurangkan termasuklah keperluan kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

Jelasnya, fokus utama kerajaan adalah untuk menangani ketirisan dan penyelewengan subsidi diesel.

“Subsidi pukal sedia ada banyak memanfaatkan bukan warganegara serta sektor komersial. Penyasaran



### BUDI MYSUBSIDI DIESEL

<p><b>10 Jenis</b> Kenderaan Pengangkutan Awam</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bas Sekolah</li> <li>Bas Ekspres</li> <li>Bas Henti-Henti</li> <li>Bas Mini</li> <li>Bas Pengantara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kereta Sewa</li> <li>Teksi</li> <li>Van &amp; Lori Mayat</li> <li>Ambulans</li> <li>Kereta Bomba</li> </ul>
<p><b>9 Jenis</b> Kenderaan Pengangkutan Barangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lori Rigid - Kargo Am</li> <li>Penggerak Utama</li> <li>Lori Rigid - Luton/Kotak</li> <li>Lori Rigid - Tangki Air</li> <li>Lori Rigid - Minuman Botol</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lori Rigid - Refrigerated</li> <li>Lori Rigid - Tangki Tepung</li> <li>Window Van</li> <li>Panel Van</li> </ul>
<p><b>14 Jenis</b> Pertambahan Kenderaan Pengangkutan Barangan Baharu</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lori Rigid - Curtainsider</li> <li>Lori Rigid - Hasil Pertanian</li> <li>Lori Rigid - Kandang Halwan</li> <li>Lori Rigid - Kombinasi</li> <li>Lori Rigid - Open Platform</li> <li>Bas Food Catering</li> <li>Van Food Catering</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lori Food Catering</li> <li>Lori Tangki Rigid - Minuman</li> <li>Semi - Panel Van</li> <li>Bas Perkhidmatan Bergerak</li> <li>Van Perkhidmatan Bergerak</li> <li>Lori Rigid - Perkhidmatan Bergerak</li> <li>Lori Rigid - Sampah</li> </ul>

Ketahui lebih lanjut tentang BUDI MADANI di <https://budimadani.gov.my>



subsidi diesel memastikan perbelanjaan kerajaan lebih bersasar kepada memanfaatkan rakyat dan ke arah pembangunan negara.

“Menerusi penyasaran subsidi,

ketirisan di stesen minyak ditangani melalui harga runcit yang selaras dengan harga pasaran (tiada insentif untuk penyeludupan ke sektor industri).

“Tambahan, bagi mereka yang

masih dapat membeli diesel pada harga RM2.15 melalui kaedah *fleet card*, risiko ketirisan dikurangkan kerana kerajaan dapat memantau penggunaan diesel bagi syarikat dan kenderaan berkenaan untuk tujuan penguatkuasaan,” katanya.

Mengulas lanjut, katanya pelaksanaan penyasaran subsidi diesel dilaksanakan sekarang kerana keadaan bertambah mendesak dengan peningkatan subsidi melonjak dari RM1.4 bilion tahun 2019 kepada RM14 bilion tahun 2023 yang melibatkan peningkatan mendadak jumlah diesel bersubsidi dan tidak akan dapat ditampung dengan berterusan.

“Mekanisme pelaksanaan penyasaran semula subsidi memerlukan kajian yang teliti supaya tidak meningkatkan kos kepada industri sedia ada serta menitikberatkan aspek pelaksanaan dan komunikasi yang berkesan kepada pihak industri agar tidak berlaku kejutan kepada ekonomi.

“Pelaksanaan juga perlu bersesuaian dan boleh dilaksanakan di samping mengekalkan fokus kerajaan dalam memastikan kos sara hidup rakyat tidak terjejas.

“Penyasaran subsidi diesel ini juga ialah langkah bertanggungjawab kerajaan dalam menyelamatkan ekonomi negara,” ujarnya.

Sementara itu, jelasnya, kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah menentukan harga runcit diesel dengan mengambil kira harga pasaran yang berdasarkan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM).

Menurutnya, kerajaan akan mengekalkan mekanisme semakan harga setiap minggu, namun dalam penetapan harga mingguan, kerajaan akan memastikan harga yang ditetapkan tidak akan menyebabkan kesan turun naik harga pam yang berlebihan.


“Kerajaan telah memperluas liputan penyasaran subsidi diesel kepada beberapa jenis kenderaan lain di bawah Program BUDI MADANI yang merangkumi MySubsidi Diesel melalui peluasan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0), BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi.

“Penyasaran subsidi dilaksanakan terlebih dahulu di Semenanjung kerana di Sabah dan Sarawak, kenderaan yang menggunakan bahan bakar diesel merupakan kenderaan utama harian bagi rakyat serta cabaran kebolehlaksanaan mekanisme *fleet card* untuk kawasan pedalaman. Oleh itu, pelaksanaan di Sabah dan Sarawak memerlukan kajian yang lebih lanjut,” ujarnya.

Dalam pada itu, katanya, sebahagian daripada penjimatan akan dipulangkan kepada rakyat yang memerlukan manakala sebahagian lagi akan digunakan untuk pembangunan sosioekonomi dan pengurusan fiskal negara.

“Tumpuan utama kerajaan adalah untuk memperkasakan rakyat melalui beberapa pendekatan holistik yang merangkumi pembaharuan tatakelola dan ketahanan fiskal supaya kekal mampan serta mengukuhkan kedudukan kewangan negara.

“Selain itu, menaikkan siling melalui penstrukturan semula ekonomi agar terus berkembang dan memakmurkan negara dan menaikkan lantai dengan berkongsi kekayaan negara untuk dimanfaatkan secara inklusif.

“Kerajaan bertanggungjawab membangunkan negara untuk kepentingan dan kesejahteraan seluruh rakyat dengan memberi keutamaan dalam sektor kesihatan, pendidikan, pertahanan dan lain-lain melalui kutipan hasil,” katanya. 



**HARGA** diesel diapungkan pada RM3.35 seliter berbanding harga asal RM2.15 seliter sebelum ini.

# ‘Apa pun kita lakukan, kita akan dihentam dengan fitnah’ – PMX

**I**SU penyasaran subsidi diesel hangat diperkatakan sehingga ke saat ini. Biarpun dilakukan kerajaan demi menyelamatkan negara daripada penyelewengan dan aktiviti penyeludupan namun ia masih enggan difahami oleh rakyat.

Sedangkan jika perbelanjaan subsidi semakin besar ia mampu membawa risiko kepada kewangan negara sekali gus banyak peruntukan yang membantu rakyat selama ini akan terkesan.

Paling merisaukan jika peruntukan yang lebih penting terpaksa dikurangkan oleh kerajaan antaranya keperluan pendidikan, kesihatan mahupun keselamatan.

Golongan yang tidak bertanggungjawab hanya tahu menghentam tanpa cuba memperhalusi tindakan yang

dilakukan ini adalah demi masa hadapan mereka dan juga generasi akan datang.

Luahan tidak puas hati terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PMX) dilontarkan di laman sosial oleh netizen yang menganggap beliau mengambil jalan mudah menghukum rakyat dengan penyasaran ini.

Mereka berasa golongan B40 dan M40 terus-terusan ditekan biarpun terdapat bantuan subsidi RM200 namun masih tidak mencukupi kerana mereka perlu menanggung kos lebih.

Berikutan itu, ada segelintir yang mendakwa Anwar segera menghapuskan subsidi diesel kerana ‘terlanjur’ berjanji dengan penjawat awam untuk kenaikan gaji.

Malah, agak keterlaluan netizen menganggap PMX perlahan-lahan mengikut dasar Komunis di mana rakyat yang akan menanggung kerajaan.

Memetik ucapan Anwar baru-baru ini, beliau sedar langkah yang diambil itu akan dihentam habis-habisan namun perlu dilaksanakan kerana tidak ada pilihan lain.


“Kita terpaksa ambil beberapa tindakan tidak popular untuk menyelamatkan negara. Siapa mahu penyasaran subsidi ini? Kena tahu apa pun kita lakukan, kita akan dihentam habis-habisan dengan segala fitnah dan penipuan.

“Saya lihat (yang) pakai songkok, serban, jubah, tetapi tipu terus-menerus, padahal kita beritahu, penyasaran subsidi

semua Perdana Menteri sebelum itu sudah setuju cuma tidak ada tekad politik untuk melaksanakan kerana risikonya ada, tetapi untuk menyelamatkan negara, kita tidak ada pilihan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bulan Jun 2024, baru-baru ini.

Terdahulu, pada Ahad kerajaan mengumumkan harga diesel diapungkan pada RM3.35 seliter berbanding harga asal RM2.15 seliter sebelum ini.

Bagaimanapun 80 peratus pengguna diberikan Bantuan Subsidi Diesel MADANI (BUDI MADANI) sebanyak RM200 sebulan. 

## Maklum balas rakyat diutamakan

**TUDUHAN** demi tuduhan yang dilemparkan kepada pihak kerajaan yang dikatakan tidak cakna dengan rintihan rakyat dilihat agak keterlaluan.

Malah ada yang turut mendakwa, aduan yang dibuat hanya sekadar ‘syarat’ namun sebaliknya pihak kerajaan tidak pernah mengambil tahu bebanan yang ditanggung rakyat.

Tidak dinafikan penyasaran subsidi diesel baru-baru ini merupakan antara sebab golongan ini berpandangan sebegitu rupa.

Jika diteliti sebaiknya, pelbagai bentuk bantuan telah pun disalurkan dan bakal dinikmati rakyat antaranya Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang merupakan insentif paling memberi manfaat.

Untuk itu, baru-baru ini Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil mahu Pusat Panggilan Kerajaan Malaysia (MyGCC) merekodkan data jumlah panggilan dan persoalan yang diterima daripada orang ramai berkaitan isu subsidi diesel yang baru dikuatkuasakan.

Beliau berkata data berkenaan

diminta untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Pasca-Kabinet.

“Di pihak kementerian, kita akan teliti sekiranya ada perkara-perkara yang konsisten dibangkitkan (berkenaan isu subsidi diesel), kita akan panjangkan kepada kementerian berkaitan dan Jemaah Menteri,” katanya.

Fahmi pada masa yang sama juga mahu MyGCC dapat menjawab persoalan dibangkitkan pemanggil mengenai isu subsidi diesel dengan baik, tuntas dan ringkas.

MyGCC merupakan pusat

sehenti dengan nombor tunggal, **03-8000 8000**, yang menjadi gerbang komunikasi menghubungkan rakyat dengan agensi-agensinya kerajaan.

MyGCC menawarkan perkhidmatan penerimaan pertanyaan, aduan, bantuan pemindahan talian, cadangan dan maklum balas rakyat melalui saluran panggilan, Chatbot, Sistem Pesanan Ringkas (SMS), e-mel dan media sosial (*Facebook, Instagram, Twitter*) beroperasi 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu. 

## MENARIK WILAYAHKU



### KUALA LUMPUR

**7/5 - 8/7/24:** Pameran Ninyo @ Muzium Negara

**16/6/24:** Kuala Lumpur 10K Race 2024 @ Conquer The City

**29 - 30/6/24:** Gema Kesenian Cina Malaysia @ MaTiC

**20/7/24:** Quby Run @ Kepong Metropolitan Park



### PUTRAJAYA

**22/6/24:** Conquer The Miles @ Dataran Wawasan

**13/7/24:** IJN Run For Your Heart 2024 @ Anjung Floria Putrajaya

**27/7/24:** Ecotrail Putrajaya

**1 - 31/10/24:** Jom #BEATNCDS 2024



### LABUAN

**28/1 - 30/6/24:** Labuan Diving Festival 2.0

**17-18/8/24:** Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

**15/9/24:** Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

# Prabakaran bantu ekonomi masyarakat

**A**HLI Parlimen Batu, Yang Berhormat (YB) P PRABAKARAN terus komited mempertingkatkan taraf hidup rakyat di kawasan tersebut. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dalam memberi keselesaan serta kemudahan demi kelangsungan hidup masyarakat.

Beliau juga seorang pemimpin berjiwa rakyat yang sering mendekati penduduk tanpa mengira agama atau bangsa demi memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Walau pelbagai cabaran yang harus diatasi namun perkara tersebut tidak langsung membataskan semangatnya untuk terus berjuang sebagai seorang wakil rakyat.

Ikuti wawancara eksklusif beliau bersama Wartawan *Wilayahku*, SYED HAZIQUE SYED NOR bagi menceritakan detik pahit manis sepanjang berkhidmat.



## Apakah antara kejayaan manis yang dilakar YB sepanjang berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Batu?

Kalau hendak diceritakan, banyak perubahan yang telah saya dan pasukan lakukan sejak menjadi wakil rakyat antaranya menyelesaikan masalah banjir yang berlaku di beberapa kawasan sekitar Parlimen ini yang mengganggu penduduk.

Kini, masalah tersebut sudah jarang berlaku dan saya bersyukur kerana saya bersama agensi-agensi dapat menyelesaikan isu ini dengan inisiatif membesarkan perparitan dan sebagainya.

Selain itu, saya juga membantu hampir 300 keluarga bagi menyelesaikan isu penghuni di Jinjang yang tidak mendapat kunci rumah lagi. Ia sangat mencabar namun setelah mengadakan perbincangan bersama Kementerian Wilayah Persekutuan ketika itu, perkara tersebut dapat diselesaikan.

Selepas itu, saya juga turut menyelesaikan isu membantu 27 buah keluarga mendapatkan hak rumah mereka kembali setelah projek perumahan terbengkalai sebelum ini.

Pada saya antara kejayaan yang terbesar ialah memberikan perkhidmatan bas percuma kepada penduduk di Parlimen ini.

## Bagaimana YB menghadapi cabaran yang datang dari pelbagai arah semasa memegang tampuk kepimpinan?

Sudah tentu banyak cabaran yang terpaksa saya hadapi, itulah asam garam atau ragam kehidupan, jika tiada cabaran tiadalah kejayaan.

Pada saya sebagai seorang wakil rakyat, cabaran yang paling besar sekali ialah terpaksa berdepan dengan perangai segelintir pihak yang mahu masalahnya diselesaikan kalau hari ini diajukan hari ini juga diselesaikan.

Tidak boleh macam itu, kerana banyak proses yang perlu dilalui namun, itu tugas saya untuk menyampaikan kepada pihak-pihak yang berkaitan.

Selain itu juga di tempat saya, ada cabaran daripada segi dana bantuan. Di sini terdapat kira-kira lapan buah masjid, 72 surau, 34 kuil, 17 tokong serta 10 gereja.

Seramai 113000 penghuni yang terdapat di kawasan Parlimen ini secara tidak langsung ia agak sedikit mencabar namun kita agihkan biar sama rata dan kepada yang benar-

benar memerlukan.

Kita tidak abaikan mereka, saya juga mempunyai pasukan yang bergerak mencari golongan-golongan yang memerlukan ini untuk memberi keselesaan buat mereka.

## Apakah fokus atau tumpuan YB dalam membangunkan penduduk di kawasan Parlimen Batu?

Kalau bercakap mengenai fokus pembangunan saya suka untuk menceritakan tentang meningkatkan taraf hidup rakyat.

Antaranya kita cuba bantu ekonomi golongan B40 dengan memberi jalan kepada mereka untuk menjana pendapatan sekali gus dapat keluar daripada kemiskinan secara perlahan-lahan.

Kita juga bantu peniaga-peniaga kecil dengan memberi inisiatif seperti mendapatkan lesen perniagaan daripada pihak berwajib, menyediakan gerai atau peralatan dan dana modal.

Ini adalah antara perkara yang telah saya laksanakan bersama agensi-agensi kerajaan di dalam meningkatkan taraf kehidupan rakyat di sini.

Saya juga berharap dalam masa sama dapat membantu untuk mengurangkan jumlah miskin tegar serta miskin bandar yang terdapat di negara.

## Bagaimana YB agihkan dana yang diterima kepada penduduk secara sama rata?

Umum sedia maklum, kita sebagai wakil rakyat, ada menerima sejumlah dana daripada Kerajaan Persekutuan dalam membantu membangunkan rakyat.

Kita kembangkan serta agihkan kepada bidang ekonomi, pendidikan, rumah-rumah ibadat, program kemasyarakatan dan sebagainya.

Setiap jumlah tersebut amat besar nilainya kepada penerima dan itu adalah hak mereka demi kelangsungan hidup di masa hadapan juga.

Sebagai wakil rakyat, tugas saya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik buat semua warga Parlimen Batu baik dari segi infra, ekonomi, kesihatan dan sosial.

## Isu kesesakan penduduk serta lalu lintas bukanlah isu baharu terutamanya di Parlimen Batu, bagaimana YB tangani perkara ini?

Iya betul, isu tersebut bukanlah satu isu baharu dan sering kali dilontarkan juga kepada saya.

Saya juga kerap bekerjasama bersama agensi-agensi kerajaan dalam menangani isu seperti pelebaran jalan, divert jalan malah kalau ada projek-projek baharu juga kita perlu kaji supaya tidak memberi masalah kepada penduduk di kemudian hari.

Namun, perkara-perkara seperti ini mengambil sedikit masa, ia bukan boleh diselesaikan dalam masa terdekat kerana ia melibatkan banyak pihak.

Pelbagai alternatif juga diberi kepada penduduk dan diharap ia juga akan memberi kelesaan kepada warga Parlimen Batu.

## Negara sedang menuju ke arah negara menua, bagaimana YB menyediakan masyarakat ke arah negara tua?

Suka untuk saya katakan golongan warga emas di kawasan Parlimen Batu sangat aktif dan penuh dengan pelbagai aktiviti.

Malah, terdapat juga persatuan warga emas yang dibentuk di setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) kawasan ini bagi mereka bersama-sama menjalankan aktiviti, bersosial di antara satu sama lain.

Itulah antara nilai murni yang dapat dilihat dan saya bersama pasukan sering mengutamakan mereka di dalam bantuan atau kelengkapan untuk aktiviti yang mereka laksanakan.

## Apakah harapan YB kepada penduduk kawasan Parlimen Batu?

Sebenarnya besar harapan saya buat penduduk di kawasan Parlimen Batu. Kita sentiasa mahu golongan belia menjadi pemangkin masa hadapan. Saya juga mahu kawasan ini penuh dengan sektor perniagaan oleh peniaga-peniaga tempatan di samping membantu ekonomi negara.

Diharapkan semua pihak memberi kerjasama membantu membangunkan kawasan Parlimen Batu, dengan amanah serta tanggungjawab yang diberi ini, saya akan lakukan yang terbaik demi masa hadapan penduduk di sini. 🇲🇾



Pelancaran inisiatif Waste To Wealth

# Lestari alam sekitar Wilayah Persekutuan

SYED HAZIQUE

**M**ENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa melancarkan inisiatif Waste To Wealth di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Inisiatif ini merupakan salah satu komponen di bawah kluster Sejahtera @ WP yang diperkenalkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan bagi melonjakkan ekonomi, mereformasi dan menstrukturkan semula ekonomi serta menempatkan Wilayah Persekutuan khusus sebagai hab serantau sekali gus menyokong kepada kemampanan ekonomi negara.

Zaliha berkata inisiatif tersebut sebagai bukti mempromosi pengurusan sisa dan kitar semula, demi Kuala Lumpur yang hijau dan lestari.

“Antara inisiatif di bawah Waste To Wealth ialah program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) di mana merupakan satu program berkonsepkan sistem barter bagi komuniti untuk menukar barang kitar semula kepada barangan keperluan harian,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pelancaran Inisiatif Waste To Wealth Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Turut hadir Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri



ZALIHA (empat dari kiri) bersama Wan Azizah (tengah) serta Kamarulzaman (tiga dari kiri) bersama komuniti setempat.

Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh.

Tambah Zaliha, program itu dilaksanakan melalui tiga kaedah iaitu, 1C1R Bergerak yang diadakan pada setiap hujung minggu, Kios 1C1R iaitu kios kitar semula statik dan Pembayaran Sewa Rumah Perumahan Awam (PA)/ Projek Perumahan Rakyat (PPR) DBKL

terpilih melalui tukaran barang kitar semula.

“Di seluruh Kuala Lumpur kita ada 12 pusat kitar semula bagi menggalakkan warga kota kumpul sisa pepejal dan kitar semula.

“Difahamkan juga DBKL membelanjakan kira-kira RM230 juta setahun bagi menghapuskan sisa pepejal yang dibuang berjumlah 2,300 tan sehari.


“Angka amat besar tetapi

diharapkan dengan inisiatif ini kita dapat galakkan penduduk kitar semula dan mencapai bandar Kuala Lumpur bersih, di samping kelestarian alam ditingkatkan,” jelasnya.

Zaliha berkata di samping itu, penduduk juga boleh mengumpul mata bagi setiap barang dikitar semula dan ditukarkan bagi barangan keperluan harian.

Pada majlis yang sama, turut diadakan sesi menandatangani

Memorandum Persefahaman (MoU) di antara DBKL dan FatHopes Energy Sdn Bhd bagi memastikan inisiatif Waste To Wealth melalui Program 1C1R dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

Melalui MoU ini, pihak syarikat akan bersama-sama menganjurkan program alam sekitar terutamanya Program 1C1R menerusi tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka. 

## Guru ejen perubahan masyarakat Kuala Lumpur

**SELARAS** dengan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 dan matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Neutral Karbon menjelang tahun 2050, Taklimat Amalan Rendah Karbon telah dilaksanakan melibatkan guru-guru (Setiausaha Kokurikulum) dari sekolah-sekolah di Kuala Lumpur.

Menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), inisiatif tersebut dilaksanakan bagi memberikan penerangan mengenai usaha yang dirintis dalam memastikan Kuala Lumpur mencapai sasaran yang ditetapkan.

Dalam hantarannya di Facebook, DBKL berkata program tersebut menyasarkan peringkat sekolah, murid-murid dan pendidik yang bertindak sebagai ejen perubahan kepada masyarakat Kuala Lumpur.

“Semua pihak perlu berganding bahu dan memainkan peranan dalam mencapai matlamat ini.

“Penyertaan dalam program ini memberi peluang kepada warga



BARISAN peserta yang terlibat dalam Program Taklimat Amalan Rendah Karbon.

sekolah untuk menjadi pemangkin dalam pembentukan kemenjadian murid dan membawa manfaat kepada warga Kuala Lumpur sekali gus mewujudkan persekitaran yang lebih baik dan berkualiti,” katanya.

Menurut DBKL, seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 2030) menerusi SD4 iaitu Peranan Pendidikan,

ia sangat penting untuk menyokong pencapaian matlamat pembangunan mampan dengan mengambil kira keperluan generasi akan datang.

“Pendidikan juga memastikan warga sekolah memenuhi keperluan global. Oleh itu, peranan pendidik dalam memperkasakan diri dengan ilmu pedagogi alam sekitar

amat penting agar dapat digunapakai dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum dan kokurikulum,” katanya.

Tambahnya, dengan perancangan dan pelaksanaan program sekolah mampan yang dirangka, diharapkan lebih banyak sekolah akan terlibat dalam program ini.

“Program Sekolah Mampan Kuala Lumpur ini dapat menjadi wadah untuk membentuk pelajar, guru, warga sekolah dan masyarakat setempat yang berilmu dan mengamalkan teknologi kelestarian,” katanya.


Sementara itu, Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **Zainudin Mohamad** berkata pihaknya terlibat secara langsung dalam Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 yang dibangunkan dengan tujuan mencapai misi menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Neutral Karbon pada

tahun 2050.

“Kita sebagai guru di Kuala Lumpur perlu bersama-sama berganding bahu dalam mencapai misi Kuala Lumpur sebagai Bandar Neutral Karbon 2050.

“Ia juga seiring dengan Agenda 2030 iaitu peranan pendidikan sangat penting untuk membawa matlamat SDG kepada generasi akan datang di samping bagi memastikan warga sekolah memenuhi keperluan global,” katanya dalam ucapan penutup Taklimat Amalan Rendah Karbon pada Selasa.

Ujarnya, kejayaan pencapaian Matlamat SDG juga amat bergantung kepada aktiviti Pendidikan untuk Pembangunan Lestari atau Education for Sustainable Development (ESD).

“Dalam konteks ini, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan bersama-sama memberi komitmen dalam menjadikan Malaysia khususnya Kuala Lumpur lebih hijau dan lestari,” katanya. 

# Perkasa profesionalisme kewartawanan

DIANA AMIR

**P**EMILIHAN wartawan veteran wanita, Adibah Amin sebagai penerima Tokoh Wartawan Negara 2023 pada Malam Wartawan Malaysia 2024 dan Hadiah Kewartawanan Malaysia (HKM) MPI-Petronas 2023 Jumaat lalu sangat tepat kerana sumbangan beliau amat besar dalam dunia bahasa dan surat khabar negara.

Adibah atau nama sebenar Khalidah Adibah Amin, 88, adalah wartawan wanita pertama diberikan pengiktirafan tertinggi dalam bidang kewartawanan tempatan. Beliau yang terkenal dalam penguasaan kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris telah menghasilkan tiga buah novel dalam bahasa Melayu dengan menggunakan nama pena Seri Delima, 200 skrip drama radio serta beberapa buah cerpen dan pernah menerima beberapa pengiktirafan besar lain antaranya Tokoh Terjemahan Negara 2012, Anugerah Penulis SEA (SEA WriterAward) 1983, Anugerah Pengembangan Sastera Esso-Gapena 1991, Anugerah Wartawan Cemerlang Negara (Persatuan Wartawan Melayu Malaysia) 1996 dan Anugerah Tun Razak 1998.

Malam berprestij itu turut menyaksikan 118 pemenang termasuk pemenang Hadiah Kajai yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Hadiah utama itu dimenangi oleh *Malaysiakini* dan membawa pulang RM30,000. Malam itu turut meraikan pemenang emas membawa pulang hadiah wang tunai RM10,000 berserta trofi dan sijil manakala pemenang perak dan gangsa masing-masing menerima RM3,000 dan RM2,000 serta sijil.

Malaysian Press Institute (MPI) menerima lebih 488 penyertaan untuk 23 kategori yang dipertandingkan dengan beberapa

kriteria telah dititikberatkan dan dinilai oleh barisan juri profesional dalam memilih pemenang lima terbaik.

Menurut hakim bagi kategori Media Cetak dan Portal, Dr G Manimaran, bilangan penyertaan adalah meningkat berbanding tahun sebelumnya sehingga membawa kepada empat pusingan penilaian.

“Karya dinilai dari sudut isu yang dibawa, kandungan, gaya penyampaian, bahasa serta impresi keseluruhan dan isu-isu yang dibawa juga pelbagai sekali gus mencerminkan perkembangan semasa yang memerlukan penghasilan yang kompresif. Tidak dapat dinafikan bahawa hampir kesemua karya yang diterima memenuhi kriteria asas serta kualitinya bertambah baik.

“Para hakim juga mendapati bahawa karya dalam bentuk multimedia juga baik di mana wartawan telah menggunakan skil dan kelebihan perisian di pasaran untuk mempelbagaikan kaedah penyampaian manakala untuk kategori ESG atau alam sekitar, sosial dan tadbir urus, penyertaan yang menang menunjukkan penulis telah berjaya mengupas isu atau topik dengan membina sekali gus memperlihatkan bahawa wartawan telah mula mengupas aspek baharu dalam dunia penulisan dengan baik,” ujarnya.

Sementara itu, juri bagi kategori Media Penyiaran TV & Video Dalam Talian, Abuyamin Salam berkata penyertaan HKM 2023 menunjukkan kebolehan tinggi kalangan wartawan dengan kandungan yang relevan untuk audiens serta kualiti produksi yang mengagumkan.

“Setiap kategori memaparkan kekuatan unik daripada segi pengolahan isu, penyampaian visual dan impak kepada audien yang menggambarkan dedikasi

dan komitmen tinggi wartawan ditonjolkan dalam menghasilkan karya kewartawanan berkualiti,” ujarnya.

Manakala bagi Media Penyiaran Radio pula, kategori Lintas Langsung Berita Radio Terbaik yang baru diperkenalkan dianggap kurang mendapat sambutan penyiar tempatan dan penyiar juga dilihat tidak memanfaatkan sepenuhnya sumber teknikal, kepakaran dan masa secukupnya untuk mencapai matlamat laporan dengan fokus yang optimum.

“Hasil penjurian menunjukkan lima penyertaan bagi kategori Laporan Radio Terbaik, Dokumentari Radio Terbaik, Bicarawara Radio Terbaik dan Lintas Langsung Berita Radio Terbaik telah mencapai kemampuan yang tinggi dengan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh MPI,” katanya.

Seterusnya juri kategori foto,

Mahfooz NR berkata prestasi peserta pada tahun ini sangat merosot berbanding tahun-tahun sebelumnya di mana penyertaan yang diterima tidak mengutamakan *effort* sama ada pada *angle of view* atau pada keseluruhan komposisi semasa mengambil gambar.


“Gambar yang dihasilkan kebanyakannya seperti *snapshot* seakan-akan gambar yang dihasilkan oleh jurugambar amat sahaja dan paling menyedihkan pada bahagian foto esei di mana ramai peserta yang belum mahir untuk menyusun gambar mengikut turutan.

“Para juri memutuskan bahawa kekuatan lima penyertaan terbaik mempunyai elemen seperti penggunaan komposisi yang agak seimbang, tahu menggunakan *shutter-speed* untuk mendapat *effect* yang hendak dicapai, pandai memilih *aperture* untuk mendapat impak serta mesej yang hendak

disampaikan, menumpukan perhatian pada apa yang patut ada dan apa yang tidak perlu ada di dalam gambar serta cuba mendapatkan jalan cerita yang hendak disampaikan,” jelasnya.

Dalam pada itu, Zolkufli Hamzah berkata untuk kategori Infografik, pilihan topik adalah penting, menarik serta eksklusif untuk tatapan pembaca dan juri memberi tumpuan kepada beberapa perkara iaitu faktor ‘wow’, peka dengan topik, penulisan juga ketelitian.

“Juri berpendapat dalam menghasilkan infografik yang baik, penghayatan bukan saja dengan minda tetapi menerapkan roh kreativiti.

“Selain itu, artis grafik perlu mempunyai inovasi yang tinggi, idea asli, melakukan penyelidikan dengan teliti bagi memastikan fakta-fakta yang dikemukakan adalah betul,” ujarnya. 



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil (dua kanan) turut menghadiri Malam Wartawan Malaysia 2024.

## Kosongkan lorong belakang



## Usah pandang remeh

**LORONG** yang memisahkan bahagian belakang dua barisan rumah di kawasan perumahan bukan diwujudkan untuk suka-suka atau semata-mata kerana mahu mengadakan kawasan lapang di belakang rumah.

Sebaliknya ia adalah peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa sebagai memenuhi syarat kebenaran pembinaan. Peraturan ini mesti dipatuhi oleh semua pemaju perumahan tidak kira di mana projek pembinaan dijalankan.

Lorong belakang diperlukan terutama untuk tujuan kecemasan, misalnya jika berlaku kebakaran. Laluan ini memudahkan pergerakan pasukan bomba memadam api di samping melakukan kerja-kerja menyelamatkan penghuni terlibat.

Selain itu, lorong ini bertujuan

memudahkan para pekerja penyelenggaraan menjalankan tugas.

Namun ramai penghuni rumah menjadikan kawasan tersebut sebagai milik sendiri walaupun tahu tujuan sebenar laluan itu diwujudkan.

Mereka sesuka hati mewujudkan halangan antaranya meletakkan pasu bunga, menanam pokok atau menghumban barang-barang terpakai.

Perluah menunggu sehingga terkena batang hidung sendiri, misalnya rumah terbakar dan bomba tidak boleh masuk, baru hendak sedar?

Diharapkan pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memantau kawasan perumahan di bandar raya. Menghalang laluan sesuka hati. Ambil tindakan tegas sebagai pengajaran dan ingatan.

**KEJAYAAN** 11,713 calon lulus cemerlang mendapat A dalam semua mata pelajaran peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 yang diumumkan 27 Mei lalu memang membanggakan. Tentunya mereka kini sedang menunggu peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Namun di sebalik kejayaan cemerlang ribuan calon ini, kawan-kawan Kedai Kopi terganggu dengan jumlah calon yang tidak hadir peperiksaan. Seramai 10,160 calon daripada 383,685 tidak menduduki walau satu kertas pun.

Juga menyedihkan kawan-kawan Kedai Kopi ialah daripada keseluruhan calon yang hadir, sejumlah 1,467 gagal dalam semua mata pelajaran, memperoleh Gred G (Gagal) semuanya. Begitu teruk sekali seolah-olah langsung tidak menjawab soalan atau

jawapan tidak menepati soalan.

Isu ini tidak boleh dipandang remeh. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sendiri memberi komitmen untuk membuat kajian bagi mencari punca kenapa ramai tidak hadir.

Secara kasar boleh disimpulkan mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah yang lemah prestasi akademiknya serta tidak mempunyai semangat untuk belajar. Datang ke sekolah pun mungkin kerana terpaksa, menurut kemahuan ibu bapa.

Jika ini keadaannya, walaupun pihak sekolah berusaha bersungguh-sungguh mendidik dan mahu mereka berjaya, usaha tersebut dilihat sukar menghakis sikap acuh tidak acuh pelajar terlibat. Mereka lebih suka bebas, termasuk ponteng sekolah.

Mengubah sikap mereka memang sukar. Namun usaha tetap perlu dilakukan.

# Pyanhabib senama dengan Kuala Lumpur



KU SEMAN KU HUSSAIN

**H**ARI itu dalam bulan April 1984 saya antara 14 wartawan baharu Utusan Melayu yang diarahkan mengikuti kursus orientasi yang diadakan di bilik mesyuarat Utusan Printcorp tidak jauh dengan ibu pejabat Utusan Melayu.

Di satu sudut bilik mesyuarat itu ada seorang anak muda berambut pendek yang kemas, bermisai, baju berlembang panjang. Anak muda pendiam itu mengingatkan saya kepada wajah seorang penyair yang beberapa kali disiarkan di surat khabar.

Saya menjeling tag nama di bajunya, 'Mohd Sufyan Abdul Rahman.' Ternyata dia bukan penyair yang saya pernah lihat di surat khabar dan mungkin hanya pelanduk dua serupa.

Ketika sesi suai kenal, Allahyarham Haji Taib Ahmad (mantan Pengurus Jabatan Pengarang Utusan Melayu) yang menjadi pembimbing kursus orientasi itu meminta kami memperkenalkan diri seorang demi seorang. Apabila tiba giliran anak muda itu, Haji Taib menjelaskan bahawa dia menghadapi masalah pendengaran dan pertuturan.

Kemudian memberitahu bahawa Mohd Sufyan Abdul Rahman itu seorang penyair yang menggunakan nama penanya Pyanhabib. Saya terlopong kerana terkejut kemudian memandang ke arahnya sekali lagi ketika ramai peserta kursus yang lain tidak memberi apa-apa reaksi kerana tidak kenal nama Pyanhabib.

Ketika bersarapan selepas sesi suai kenal pagi itu saya segera



PYANHABIB (kiri), penulis (tengah) dan Khalid Salleh ketika majlis perkahwinan anak penulis pada 29 Ogos 2015.

mendekatinya dan menghulur tangan. Kemudian menulis pada sekeping kertas, "Saya peminat awak." Pyanhabib membaca kemudian ketawa terkekeh-kekeh, mungkin itu suatu yang sangat melucukan kepadanya.

"Gua bukan artis, mana ada peminat. Ha ha ha," ucap Pyanhabib satu-satu. Itulah detik awal perkenalan saya dengan penyair dan seniman besar yang kita miliki, Pyanhabib. Detik itu tidak pernah terpadam sekalipun sudah lebih 40 tahun berlalu dan kami sudah jauh meninggalkan zaman sebagai anak muda.

Ada kawan-kawan di pejabat menggelar dia sebagai Rano Karno kerana wajahnya mirip pelakon Indonesia itu. Perkenalan itu seterusnya merapatkan kami

kebetulan saya minat dengan puisi dan acara deklamasi. Seronok berbual secara tulisan dengan Pyanhabib mengenai hal-hal berkaitan sastera dan seni serta kerap melepak di Panggung Drama di Jalan Bandar selepas waktu bekerja sambil menonton orang berlatih teater.

Kini Pyanhabib sudah tiada, penyair unik itu telah kembali ke pangkuan Ilahi pada 4 Jun 2024 lalu, ketika berusia 66 tahun di kediamannya di Hulu Kelang. Allahyarham meninggalkan isteri, Zurina Zakaria serta dua anak, Najihan (31 tahun) dan Ashman (28 tahun). Kepulungan penyair yang dilahirkan pada 27 Mei 1958 itu ternyata satu kehilangan seorang seniman yang sangat tajam kritikkannya dalam puisi.

Pyanhabib memulakan kerjaya sebagai wartawan Mastika, sebuah majalah isu semasa, budaya dan sastera yang berpengaruh. Di Mastika, Pyanhabib banyak menulis isu sekitar kesusasteraan dan kebahasaan serta anekdot kritikan sosial yang tajam.

Selepas Mastika, Pyanhabib ditukarkan ke surat khabar *Utusan Malaysia* sebagai penyunting hingga meletak jawatan pada sekitar tahun 2000 dan menjadi penulis sepenuh masa. Sekalipun sudah tidak sebungus di Utusan Melayu, kami selalu berjumpa di Central Market yang menjadi tempat bertemu (*port*) dalam kalangan seniman dan sasterawan.

Pyanhabib adalah antara penggerak kegiatan seniman jalanan di Kuala Lumpur. Pada awal tahun 1980-an, Allahyarham bersama-sama rakan seniman seperti Sani Sudin, Siso, Usop dan Mohd Shah Ibrahim serta beberapa lagi menggerakkan acara membaca puisi di bawah tiang lampu berdekatan Central Market. Mereka bukan sahaja membaca puisi tetapi turut menjual buku-buku puisi.

## TERUS BERGEMA

KEBERADAAN Pyanhabib sejak pertengahan tahun 1970-an di Kuala Lumpur adalah serentak dengan kebangkitan golongan seniman terutama yang bergiat bersama-sama Kumpulan Anak Alam. Lalu Allahyarham menjadi sebahagian daripada gerakan keseniman yang paling berpengaruh di negara ini ketika itu.

Kumpulan Anak Alam digerakkan oleh seniman daripada bidang sasterawan, pelukis, dramatis dan wartawan. Pusatnya di Rumah Anak Alam, di sebuah banglo lama di pinggir Padang Merbuk, Kuala Lumpur. Tapak asal Rumah Anak Alam itu kini menjadi sebahagian daripada Akademi Seni dan Warisan Negara (Aswara).

Tahun-tahun 1970-an hingga awal 1990-an adalah garis masa penting yang merakamkan semaraknya kebangkitan seni di Kuala Lumpur sekali gus menjadi kota para seniman. Persekitaran sosial yang sedemikian menjadi dokongan dan pendiri keseniman Pyanhabib. Namanya melekat pada Kuala Lumpur dan puisi-puisi kecilnya mencetuskan getaran yang besar dalam kalangan warga di kota itu.

Dalam beg kanvasnya yang tidak pernah lekang di bahu sentiasa ada buku dan puisi-puisi bertulisan tangan yang belum sempurna. Ada contengan di sana sini. Kelebihan Pyanhabib adalah boleh berkarya di mana-mana, tidak kira suasana yang bingit atau sunyi kerana 'suara alam' Kuala Lumpur tidak pernah menggangukannya.

Demam panas yang menyerang ketika berusia 12 tahun telah mengambil deria menikmati suara alam di sekelilingnya. Bermula detik itu Pyanhabib menjadi

lelaki 'sunyi' yang kehilangan suara. Bagaimanapun di sebalik kekurangan itu ada kelebihan yang tidak tertanding oleh sesetengah orang yang lebih sempurna.

Puisi Suara yang ditulis menggunakan mesin taip Latif Mohidin pada tahun 1976 ketika di Rumah Anak Alam telah membuka relung hidupnya sebagai seniman. Di sebalik karya puisinya yang 'kecil' itu Pyanhabib telah melontarkan persoalan kehidupan yang dilaluinya. Puisi Suara disiarkan di majalah Dewan Sastera tahun 1980-an dan merupakan satu pencapaian luar biasa bagi seorang penyair baharu.

Sepanjang hayatnya Pyanhabib menghasilkan tiga kumpulan puisi iaitu Suara, Saraf Dukaku dan terbaru Balada Pyanhabib yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Balada Pyanhabib merupakan kumpulan puisinya yang paling lengkap.

Walaupun dikenali sebagai penyair, tetapi pengarah filem Nasir Jani melihat kebolehan Pyanhabib dalam lakonan. Nasir Jani menggandingkan Pyanhabib dengan M Nasir dalam filem Kembara Seniman Jalanan (1986). Menerusi filem itu Pyanhabib dikenali pula dengan nama jolokan Osman Tikus watak lakonannya dalam filem berkenaan.

Pyanhabib seniman yang berprinsip tidak tersihir dengan kemilau populariti. Kalau tidak akan dikatanya tidak. Disebabkan prinsip itu jugalah Allahyarham menolak Anugerah Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik yang dimenangi menerusi filem Tsu Feh Sofiah arahan Rahim Razali pada Festival Filem Malaysia ke-6 (FFM6) tahun 1986.

Tindakan luar biasa dan mengejutkan itu adalah protes terhadap panel juri yang menolak penyertaan Kembara Seniman Jalanan dalam festival berkenaan dengan alasan lakon layar filem itu dihasili oleh warga negara luar. Bagaimanapun hakikatnya lakon layar dihasilkan oleh Nasir Jani sendiri.


Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama. Pyanhabib bukan sahaja meninggalkan nama tetapi yang lebih berharga adalah karya-karya puisi yang tercorak oleh pergulatan sosial sepanjang garis masa kesenimanannya. Maka tidak hairanlah apabila Allahyarham dianugerahkan Tokoh Penyair Kuala Lumpur 2022 oleh Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAMA).

Meneliti kembali puisi-puisi yang ditinggalkan itu umpama menjejak laluan kehidupan yang pernah diredahnya sebagai seniman. Sekalipun ditakdirkan hilang deria menikmati suara, puisi-puisinya terus bersuara dan tidak pernah 'sunyi' seperti yang dilalui semasa hayatnya. Suara puisinya terus bergema di sepanjang zaman.

## RAGAM KOTA

'SUBSIDY BERSASAR', SATU KAEDAH UNTUK MEMBANTU RAKYAT DARIPADA KERAJAAN MADANI...

IA MENJADI SASARAN SEGELINTIR MEREKA YANG 'TERSASAR MEMAHAMI...'



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**  
Te: 03-8861 5260 | E-mail: [editorialwilayahku@gmail.com](mailto:editorialwilayahku@gmail.com)





Bil 266 . 14-20 JUN 2024



**GENERASI**  
**PEKAK**

▶▶ 10-11

# Lambat bertutur, berbahasa

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

**S**UDAH menjadi trend golongan muda khasnya gemar memakai *earphone* atau *headphone* untuk mendengar muzik, bermain game serta menonton filem.

Namun terdapat juga sesetengahnya yang mengenakan *headphone* semata-mata untuk tampil bergaya. Namun sedarkah mereka akan kesan jangka masa panjang yang bakal menerima?

Berdasarkan kajian, penggunaannya boleh mendatangkan kesan negatif yang berpanjangan kepada kesihatan telinga. Satu kajian mendapati mendengar melalui *earphone* dengan kenyaringan tinggi boleh menyebabkan kemampuan pendengaran merosot.

Hasil kajian penyelidikan daripada Committee on Emerging and Newly Identified Health Risks pula mendapati risiko kehilangan pendengaran boleh terjadi seawal pertengahan usia 20-an.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira 466 juta individu di seluruh dunia mengalami hilang upaya pendengaran pada 2020 dan dijangka meningkat kepada hampir dua kali ganda menjelang 2050.

Justeru, Pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT), **Datuk Dr Kuljit Singh** memberi amaran bahawa amalan yang kelihatan tidak berbahaya ini sebenarnya boleh membawa kesan yang serius.

“Walaupun kehilangan pendengaran disebabkan bunyi tidak menyakitkan namun ia memberi kesan negatif secara perlahan-lahan serta bersifat kekal.

“Terdapat dua jenis kehilangan pendengaran iaitu konduktif dan sensorineural. Kehilangan pendengaran konduktif biasanya terjadi disebabkan penyakit yang menjejaskan telinga seperti pengumpulan cecair tahi telinga dan boleh dirawat sama ada dengan pengambilan ubat atau pembedahan. Masalah jenis ini biasanya akan kembali pulih seperti biasa dalam tempoh masa tertentu.

“Manakala kehilangan pendengaran sensorineural pula menjejaskan sel-sel saraf biasanya berlaku disebabkan terdedah dengan bunyi kuat. Sifatnya kekal, bilateral membabitkan kedua-dua belah telinga dan tidak dapat dipulihkan. Ini termasuk kehilangan pendengaran akibat bunyi hingar kerana sering terdedah kepada bunyi berfrekuensi tinggi daripada peranti peribadi, konsert dan sumber lain.

“Sebelum ini, kehilangan pendengaran akibat hingar sering dikaitkan dengan pendedahan kepada bunyi industri perkilangan, namun dengan peningkatan penggunaan peranti peribadi seperti telefon pintar dan fon kepala, masalah kehilangan pendengaran akibat hingar menjadi semakin lazim dalam



KULJIT

kalangan kanak-kanak dan belia,” ujarnya.

Dalam masa sama, beliau turut menjelaskan bagaimana kehilangan pendengaran boleh berlaku akibat mendengar muzik yang kuat melalui aksesori *earphone* dan *headphone* dalam tempoh masa yang lama.

“Gelombang bunyi masuk melalui telinga luar dan bergerak melalui saluran telinga yang menuju ke gegendang telinga yang kemudiannya bergetar dan menghantar getaran ke tiga tulang di tengah telinga. Tulang ini kemudiannya menguatkan atau meningkatkan getaran dan menghantarnya ke telinga dalam dipanggil koklea yang mengandungi sel deria.

“Kehilangan pendengaran pula berlaku apabila getaran yang berlebihan berlaku dalam tempoh berpanjangan dan menyebabkan sel rambut dalam koklea rosak,” ujarnya.

Beliau berkata cara terbaik untuk orang ramai mengurangkan risiko kehilangan pendengaran daripada fon telinga adalah dengan mengecilkkan kelantangan serta mendengar bagi tempoh yang lebih singkat.

“Malangnya, orang ramai menyukai muzik yang sangat kuat, mungkin seronok berada di hadapan pembesar suara tetapi ia bukan idea yang baik untuk kesihatan jangka panjang anda.

“Semua tingkah laku itu boleh menjadi kompleks sepanjang hayat dan kemudian apabila anda berumur 67 tahun, ia boleh memberi impak yang

cukup besar,” ujarnya.

Dari segi rawatan, Kuljit berpendapat pilihan rawatan paling umum yang ada adalah alat bantuan pendengaran untuk masalah kehilangan pendengaran sederhana hingga teruk dan implan koklea bagi kes kehilangan pendengaran yang lebih teruk.

“Alat bantu pendengaran membantu menguatkan bunyi dan membantu mereka mendengar dengan lebih baik. Namun, ia memerlukan sedikit waktu penyesuaian dengan pakar audiologi.

“Disebabkan amplifikasi bunyi, memakainya lebih kerap dapat membantu otak menyesuaikan diri dengan alat bantuan pendengaran dengan lebih baik,” ujarnya.

## AWASI ANAK ANDA

KULJIT yang juga merupakan Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) berkata tanda dan simptom awal kehilangan pendengaran dalam kalangan kanak-kanak selalunya berlaku tidak

disedari, namun terdapat beberapa tanda awal yang perlu diambil perhatian oleh ibu bapa.

“Petanda biasa ialah jika kanak-kanak kerap menonton televisyen atau menggunakan peranti elektronik lain pada kelantangan yang tinggi, mereka juga mungkin menghadapi cabaran di sekolah seperti sukar mengikut arahan atau ketinggalan dalam akademik serta pertumbuhan kosa kata yang terbantut.

“Lambat bertutur dan berbahasa juga boleh menjadi tanda amaran ketara kerana kanak-kanak mungkin menghadapi masalah mengungkapkan perkataan atau memahami percakapan orang lain.

“Ramai ibu bapa barangkali tidak menyedari punca kemungkinan kehilangan pendengaran akibat hingar, jadi saya sarankan mereka membawa anak-anak untuk melakukan ujian pendengaran dan berjumpa doktor pakar atau pediatrik,” ujarnya.

Beliau berkata ibu bapa berperanan penting memantau penggunaan peranti

peribadi dalam kalangan kanak-kanak iaitu mengurus secara produktif dan konstruktif dengan mengawalnya secara tegas serta berkesan.

“Sebaiknya rehatkan pendengaran antara sesi dan pertimbangkan penggunaan penyumbat telinga atau peralatan perlindungan bunyi untuk kanak-kanak dalam persekitaran bising seperti konsert.


“Ketagihan kanak-kanak dengan peranti elektronik boleh diatasi secara perlahan-lahan melalui pendedahan kepada aktiviti lain misalnya melukis. Seterusnya, galakkan aktiviti seperti membaca dan mendengar buku atau cerita beraudio berbanding video atau skrin televisyen yang boleh membantu perkembangan kanak-kanak. Ini kerana pengecaman pertuturan melalui bunyi dikaitkan dengan keupayaan kognitif iaitu memori untuk bekerja dan tempoh masa membaca menjadi lebih berkesan daripada ukuran keupayaan umum.

“Kanak-kanak boleh diajar dengan teknik *switch* atau alih tumpuan kepada perkara lain apabila mereka mula tumpu kepada peranti elektronik. Ibu bapa perlu cekap untuk kawal dan selia anak tatkala menggunakan atau berhadapan dengan alatan itu.

“Galakkan masa tanpa peranti peribadi terutama waktu makan atau meluangkan masa bersama yang mana dapat membantu memupuk interaksi yang bermakna dan mengurangkan pergantungan pada skrin dan peranti,” ujarnya.

Selain itu, beliau turut menekankan kepentingan intervensi awal dan pemeriksaan pendengaran yang kerap.

“Intervensi awal dan pemeriksaan biasa penting untuk segera mengesan dan menangani isu pendengaran bagi memastikan kualiti hidup yang lebih baik untuk generasi muda. Menunggu terlalu lama untuk menangani masalah kehilangan pendengaran boleh menyebabkan kerosakan yang tidak dapat dipulihkan.

“Ramai individu kehilangan sehingga 50 peratus pendengaran pada masa mereka mendapatkan bantuan atau berjumpa pakar,” ujarnya. 



# Hanyut dalam dunia maya

**TREND** generasi muda yang kerap menyumbat telinga dengan *earphone* mahupun memakai *headphone* membuatkan mereka asyik dalam dunia sendiri sehingga memberi kesan kepada tingkah laku.

Menurut Pensyarah Kanan dan Kaunselor Berdaftar Jabatan Bimbingan & Kaunseling di Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), **Dr Norsayyidatina Che Rozubi**, ia juga turut dipengaruhi oleh teknologi dan media sosial.

“Pengaruh tersebut menyebabkan remaja mengalami

isolasi digital di mana golongan ini lebih banyak berinteraksi secara maya daripada secara bersemuka seterusnya mengakibatkan gangguan terhadap kemahiran komunikasi kerana terlalu asyik dengan dunia maya berbanding dunia realiti.

“Untuk mengatasi masalah ini, penting untuk mengambil langkah-langkah tertentu yang menggalakkan keseimbangan



**NORSAYYIDATINA**

antara penggunaan teknologi dan interaksi sosial.

“Ini kerana terdapat kesan yang tidak baik dari segi komunikasi, cara bersosial, kesan terhadap pencapaian akademik dan kerjaya, perubahan pola tidur, kesihatan pendengaran, gangguan emosi dan mental. Secara tidak langsung membentuk sikap individualistik dalam diri serta mengabaikan orang lain dan persekitaran,” ujarnya.

Norsayyidatina berkata terdapat kesan negatif lain sekiranya penggunaan tersebut di luar kawalan.

“Penggunaan *headphone* yang berpanjangan boleh menyebabkan isolasi sosial, di mana remaja lebih cenderung untuk menarik diri daripada aktiviti sosial dan lebih suka menghabiskan masa bersendirian.

“Selain daripada kesan fizikal, penggunaan *headphone* yang berlebihan juga membuatkan individu tersebut mungkin mengalami peningkatan tahap stres dan kebimbangan. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi secara berlebihan boleh mengganggu tidur yang seterusnya boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan mental dan kesejahteraan keseluruhan,” jelasnya.

Tambah beliau, dari segi akademik, penggunaan *headphone* boleh memberi kesan positif antaranya *headphone* boleh membantu remaja untuk fokus semasa belajar dalam persekitaran yang bising.

Namun, jika digunakan tanpa kawalan, ia boleh mengganggu



tumpuan dan prestasi akademik sebagai contoh muzik atau permainan yang terlalu menarik perhatian boleh mengalihkan tumpuan mereka daripada tugas-tugas penting.

Mengulas lanjut, Norsayyidatina berkata menjaga keseimbangan antara penggunaan teknologi seperti *headphone* dan pengembangan perasaan terhadap orang lain (empati) adalah penting untuk memastikan generasi remaja tidak terus terisolasi dalam dunia digital mereka.

“Beberapa pendekatan holistik dapat diterapkan antaranya pendidikan tentang empati dan kesedaran emosi melalui pembinaan karakter dalam diri melibatkan empati terhadap orang lain, kesedaran emosi dan komunikasi efektif dalam kurikulum sekolah.

“Selain itu, pengaturan penggunaan *headphone*; kesedaran situasional yang menggalakkan golongan remaja untuk tidak menggunakan *headphone* dalam

situasi yang memerlukan perhatian sosial seperti saat bersama keluarga atau di acara sosial dan akhir sekali menerusi aktiviti sosial dan emosional sebagai contoh galakkan mereka untuk bersosial secara positif dalam acara komuniti yang memerlukan kerjasama dan komunikasi,” jelasnya penggunaan *headphone* bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat kita.

Dalam pada itu, Norsayyidatina berkata ibu bapa dan guru juga perlu memainkan peranan dalam usaha untuk tidak melahirkan generasi peka pada masa akan datang.

“Antaranya menjadi model dan contoh terbaik pada remaja; menetapkan had dan peraturan penggunaan; menggalakkan kegiatan alternatif atau bersosial secara bersemuka; mendorong interaksi sosial secara maya dan nyata; pendidikan dan kesedaran serta pemantauan dan penyesuaian penggunaan teknologi,” katanya.

## JADIKAN ANDA Pendengaran SELAMAT

‘Kehilangan pendengaran yang disebabkan bunyi adalah tidak menyakitkan tetapi memberi kesan negatif secara perlahan-lahan, serta ia kekal dan tidak boleh diubati’

**GUNAKAN PENYUMBAT TELINGA ‘EAR PLUG/EAR MUFF’ DIPERSEKITARAN YANG BISING**

**ELAKKAN ATAU HADKAN PENDEDAHAN KEPADA TAHAP BUNYI ATAU AUDIO YANG KUAT (LEBIH DARIPADA 90DB)**

**HADKAN PENGGUNAAN HARIAN PERANTI AUDIO PERIBADI**

**JALANI PEMERIKSAAN PENDENGARAN SECARA BERKALA**

## Usah tunggu nasi jadi bubur

**IBU** bapa mungkin tidak sedar mendedahkan kanak-kanak kepada penggunaan *headphone* lebih daripada 80 minit sehari membuatkan mereka 4.7 kali lebih berisiko mengalami kehilangan pendengaran berbanding mereka yang menggunakannya selama kurang daripada 80 minit.

Berkongsi pengalaman, seorang ibu, **Noli Hayati**, 45, berkata anak lelaki, Azam Mikael, 12, mula memakai alat pendengaran akibat hilang pendengaran sejak berusia lapan tahun kerana gemar memakai *headphone* pada waktu malam untuk menonton kartun dan bermain permainan video.

“Jadi sebagai ibu bapa pantau dan kawallah anak-anak agar mereka tidak berisiko berhadapan dengan masalah pendengaran seperti yang dihadapi oleh anak saya.

“Dahulu ketika di meja makan, saya memerlukan anak untuk duduk diam supaya tidak mengganggu orang lain di situ dengan memberikan dia gajet. Perkara sebegini bukan disebabkan

kurang kesedaran, tetapi keadaan dan situasi mendesak yang dihadapi ibu bapa dan seterusnya mengambil jalan singkat untuk menyelesaikannya.

“Bila beri gajet kepada anak, keadaan jadi selesa, lama-kelamaan jadi satu kebiasaan, terutama ketika makan atau majlis keramaian,” katanya.

Sementara itu, **Mohd Faizal Md So’od**, 50, berkata penggunaan peranti elektronik tersebut sedikit sebanyak menjejaskan fizikal anak-anaknya.

“Kami keluarga sukan, di mana saya lihat dengan trend terkini di mana anak muda memakai *headphone* melebihi masa yang sepatutnya membuatkan anak-anak saya jadi lemah dari segi fizikal dan membuatkan mereka terus leka dan sentiasa melekat dengan peranti elektronik.

“Mungkin ada baiknya memakai *headphone* ketika melakukan latihan atau senaman namun sebagai atlet mereka perlu fokus lebih tinggi terhadap setiap sesi latihan di mana membuatkan

saya melarang penggunaan *headphone* atau *earphone* buat anak-anak,” ujarnya.

Bapa kepada enam orang anak itu berkata sebagai ibu bapa, dia sedar bahawa penggunaan *headphone* mempunyai kesan buruk tersendiri seperti menjejaskan tahap pendengaran sekiranya ia digunakan secara berlebihan.

“Justeru itu, kita sebagai ibu bapa perlu mengawal penggunaan peranti tersebut kerana ia telah pun menjadi satu trend yang dinormalisasikan kesan daripada penggunaan teknologi dan digital yang diperlukan akibat tuntutan



**ALAT** bantu pendengaran berfungsi untuk menguatkan bunyi-bunyi persekitaran dan pertuturan bagi membantu komunikasi.

kehidupan.

“Sebagai ibu bapa adalah penting untuk memahami dan mengawal penggunaan teknologi

ini untuk memastikan ia tidak membawa kesan negatif jangka panjang kepada kesihatan dan tingkah laku remaja,” katanya.



# ORKESTRA KL, 50 BEIJING SATU PENTAS SEMPENA ULANG TAHUN KE

**AMIN FARIJ HASAN**  
Foto: ANNE

**S**EMPENA memperingati ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) disokong oleh Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Malaysia mempersembahkan konsert orkestra gabungan Orkestra Kuala Lumpur dan Beijing Symphony Orkestra.

Bertempat di Auditorium Bandaraya, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, persembahan tersebut merupakan salah satu cara menghargai hubungan diplomatik serta pencapaian antara kedua-dua negara.

Dalam mengimbuai hubungan dua negara dari masa lalu, konsert yang berlangsung pada 25 Mei lalu itu juga mampu mengukuhkan lagi kerjasama seni dan budaya.

Pengarah Muzik Orkestra Kuala Lumpur, Dr Isabella Pek dan Maestro Tan Li Hua bergabung tenaga memastikan konsert tersebut berjaya membawa penonton menghayati muzik dalam suasana perbezaan kaum yang harmoni.

Ternyata muzik mempunyai daya tarikan universal ditambah lagi dengan persembahan karya-karya hebat komposer dari Malaysia antaranya Cempakasari, Medley Irama Warisan, P. Ramlee, Medley Kenek-Kenek Undang & Watimalandak dan Jambatan Tamparuli dari Malaysia.

Karya muzik dari China juga tidak kurang hebatnya melalui Dance of the Yao Tribe, Chinese Sights and Sounds, Lan Hua Hua, Chinese New Year's Eve from Erhu Concerto Nostalgia Dreams of Beijing.

Malam penuh bersejarah itu menyaksikan pemuzik dari kedua-dua negara bergabung sebagai simbolik kerjasama erat dalam menjayakan konsert yang memukau halwa telinga.

Pemuzik dari Malaysia, Mohammad Radzi Rosli bermain alat muzik sitar dan Mohd Ridhuan Abdul Zateh bermain gambus ditampilkan bersama Huang Xiao Qing.

Sementara itu, 28 pemuzik diterbangkan dari Beijing antaranya Huang Xiao Qing, pemain solo Erhu mempersembahkan karya klasik Sai Ma yang menampilkan pelbagai kesan bunyi pada Erhu seperti meniru pergerakan dan bunyi kuda. 🎻



## Putrajaya Park's Day 2024

# Mengimbau nostalgia dulu-dulu

### Boleh berikan pengenalan ringkas berkenaan Putrajaya Park's Day?

Putrajaya merupakan sebuah bandar yang dibangunkan dengan konsep Bandar Dalam Taman di mana selain daripada bangunan-bangunan bercirikan reka bentuk ikonik, terdapat sebanyak 13 buah taman yang memberikan suasana segar dan tenang kepada penghuni dan pengunjungnya. Taman-taman di Putrajaya ini mempunyai karakter dan jiwa yang tersendiri dalam menonjolkan kepelbagaian dan keunikan setiap satunya.

Bertitik tolak dari faktor ini, PPj telah mula menganjurkan Putrajaya Park's Day bagi memperkenalkan dan mempromosikan taman-taman awam di sekitar Putrajaya dan menjadikannya sebagai pusat tarikan pelancongan domestik serta antarabangsa. Putrajaya Park's Day kembali bagi kali yang ketiga sejak penganjuran kali pertama pada tahun 2019 di Taman Wetland dan kali kedua pada tahun 2020 di Taman Wawasan. Pada kali ini Taman Warisan Pertanian pula dipilih sebagai lokasi penganjuran acara yang pasti akan menjadi tarikan pengunjung dengan berkonsepkan Agro Tourism.

Untuk makluman, Majlis Perasmian Putrajaya Park's Day 2024 akan disempurnakan oleh Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail yang akan diadakan pada 22 Jun 2024 (Sabtu), pukul 9 pagi.

### Apakah tarikan utama tahun ini?

Tema acara pada tahun ini adalah Mengimbau Nostalgia Dulu-Dulu dan aktiviti serta program yang disusun atur adalah bertepatan dengan tema yang ingin ditonjolkan. Tarikan utama adalah aktiviti yang mengimbau zaman dahulu seperti permainan tradisional (congkak, batu seremban, sepak raga, gasing, sepak bulu ayam dan lain-lain); menangkap belut di sawah bendang; menanam pokok padi; demo menoreh dan memproses getah secara tradisional; aktiviti mengacau dodol; pelbagai bengkel dan demonstrasi; bufet buah-buahan seperti rambutan, mata kucing, duku langsung dan pulasan (RM10/Dewasa, RM5/kanak-kanak tujuh tahun ke atas); pertandingan mengail tradisional menggunakan joran buluh dan pelbagai lagi aktiviti menarik serta gerai jualan.

Selain itu, pada hari kedua terdapat acara larian She Run sejauh lima kilometer di mana acara ini memerlukan peserta berlari dengan memakai pakaian tradisional dan mensasarkan seramai 1,000 peserta akan turut serta. Apa yang lebih menarik pada kali ini, PPj turut berbesar

**D**IILHAMKAN daripada World's Park Day yang disambut di kebanyakan negara maju setiap tahun, Putrajaya Park's Day kembali diadakan setelah tiga tahun penganjurannya terhenti akibat pandemik COVID-19.

Program yang dianjurkan Perbadanan Putrajaya (PPj) menerusi Jabatan Landskap dan Taman merupakan usaha bagi menggalakkan orang ramai menggunakan kemudahan yang terdapat di taman-taman awam Putrajaya bagi tujuan riadah dan rekreasi.

Selain itu, ia dapat meningkatkan kehadiran pengunjung sekali gus menjadikan pusat pentadbiran ini sebagai destinasi pelancongan yang berdaya saing melalui produk taman-taman awam dengan mengadakan aktiviti inovatif, unik serta mempunyai daya tarikan.

Bagi mengetahui lanjut berkenaan Putrajaya Park's Day 2024, ikuti temu bual wartawan *Wilayahku*, **DIANA AMIR** dan jurufoto **SYUQREE DAIN** bersama Naib Presiden (Jabatan Landskap dan Taman) PPj, **LAr. HASLINDA KHALID**.



**HASLINDA (dua kanan) bersama pasukan Putrajaya Park's Day.**

hati untuk memberikan sarapan pagi secara percuma iaitu Nasi Lemak Bungkus & Kopi O kepada 400 pengunjung terawal yang datang ke Taman Warisan Pertanian pada hari pertama dan hari kedua di dua lokasi iaitu di Laman Sawah (200 pax) dan Pelantar Tinjau (200 pax).

Pelbagai aktiviti menarik turut disediakan seperti demonstrasi pembuatan kuih peneram dan ikan pekasam; pertandingan memasak lauk kampung; pertandingan kukur kelapa dan lambung bola; persembahan tarian tradisional, *cosplay*, *buskers*, persembahan wayang kulit dan bermacam-macam lagi.

### Berapa bayaran tiket?

Untuk makluman, masuk ke Dusun Warisan Pertanian sememangnya berbayar sebanyak RM5 untuk dewasa dan RM2 bagi kanak-kanak. Walau bagaimanapun, bersempena dengan penganjuran Putrajaya Park's Day, pihak PPj tidak mengenakan sebarang bayaran tiket masuk ke dusun namun untuk menaiki perkhidmatan *buggy* caj yang minimum dikenakan adalah sebanyak RM2 untuk dewasa dan RM1 bagi kanak-kanak berusia tujuh tahun ke atas.

### Sasaran pengunjung dan kenapa memilih lokasi tersebut?

Kami menyasarkan di antara 5,000 sehingga 10,000 pengunjung yang akan hadir pada Putrajaya Park's Day sepanjang dua hari penganjuran tersebut. Taman Warisan Pertanian telah dipilih menjadi lokasi pada kali ini kerana ia merupakan satu-satunya taman yang berkonsepkan warisan tradisional Melayu di Putrajaya bertepatan dengan tema pada kali ini. Jika mengikut sejarah penubuhan Putrajaya, kawasan seluas 4,931 hektar ini merupakan tanah estet getah yang dikenali sebagai Prang Besar. Menariknya di lokasi Putrajaya Park's Day tahun ini iaitu Taman Warisan Pertanian, masih terdapat lagi pokok-pokok getah yang merupakan tanaman asal di kawasan ini sebelum dibangunkan. Jadi para pengunjung boleh lihat sendiri suasana kawasan tersebut dan menyaksikan bagaimana cara-cara untuk menoreh serta memproses getah.

### Siapakah rakan strategik?

Kami turut bekerjasama dengan beberapa pihak dan rakan strategik iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), dengan lebih 30 gerai jualan, Jualan Agro Madani, membawakan pelbagai produk jualan pertanian dan Industri Kecil & Sederhana serta Pakej Bufet Buah-Buahan. Seterusnya, rakan strategik kedua adalah Perbadanan Kemajuan

Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) yang membawa 20 gerai jualan berasaskan batik dan kraftangan; Red Adventure dan Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad (PutraKop).

### Apakah kemudahan yang disediakan?

PPj sentiasa cakna dengan keperluan pengunjung, terutamanya yang datang bersama keluarga, warga emas dan kanak-kanak. Oleh yang demikian, beberapa kemudahan asas akan disediakan untuk keselesaan semua seperti dua unit surau yang mampu memuatkan sehingga 20 orang dalam satu masa; 20 unit di kawasan penangguh dan dusun; lima unit *buggy* di empat stesen berbeza dan kemudahan parkir di Taman Warisan Pertanian serta di sepanjang bahu jalan masuk ke Taman Warisan Pertanian.


### Apakah harapan PPj?

Pihak kami berharap penganjuran kali ini akan memberikan satu kelainan kepada semua pengunjung di mana segala

aktiviti yang disediakan dapat mengimbau semula kenangan lama serta nostalgia dulu-dulu. Marilah datang bersama keluarga dan sahabat handai ke Taman Warisan Pertanian bagi memeriahkan Putrajaya Park's Day 2024 yang akan diadakan pada 22 sehingga 23 Jun ini bertempat di Taman Warisan Pertanian Putrajaya.

Pengunjung juga diingatkan untuk memakai kasut yang selesa dan bersesuaian, bersedia dengan payung, topi besar, cermin mata, kipas tangan dan air mineral serta digalakkan juga memakai pelitup muka sekiranya memerlukan.

Untuk maklumat lanjut dan terkini, orang ramai boleh melayari media sosial rasmi PPj @Putrajaya (Facebook); @perbadananputrajaya (Instagram, TikTok dan YouTube); @putrajayacorp (Twitter) atau hubungi talian 03-8887 7139 / 03-8887 7666 / 03-8887 7774.

Jangan lupa untuk hashtag kami di setiap posting anda iaitu #perbadananputrajaya; #tamanwarisanpertanianputrajaya; #indahnyaputrajaya; #mengimbauzemanduludulu dan tag kami @perbadananputrajaya di mana-mana platform media sosial. 



# Masih relevankah lagi dunia sastera?

SYED HAZIQUE

**K**ESUSASTERAAN memegang tempat penting dalam landskap budaya Malaysia yang mencerminkan kepelbagaian, warisan dan ekspresi kreatif negara.

Evolusi kesusasteraan di Malaysia merangkumi pelbagai genre, bahasa dan tema yang mencerminkan transformasi sejarah, sosial dan budaya negara.

Akar kesusasteraan Malaysia boleh dikesan kembali kepada tradisi lisan di mana mitos, legenda, cerita rakyat dan puisi epik diturunkan secara turun-temurun.

Penceritaan lisan memainkan peranan penting dalam memelihara warisan budaya, menyebarkan pengetahuan dan memupuk ikatan komuniti.

Naratif ini meletakkan asas kepada ekspresi sastera di Malaysia dengan membentuk tema, gaya dan motif yang terdapat dalam karya sastera kemudiannya.

Pendekatan berbilang budaya untuk bercerita ini memperkayakan

kesusasteraan Malaysia dan menggalakkan pemahaman antara budaya.

Landskap linguistik kesusasteraan menggunakan pelbagai bahasa untuk menyatakan visi kreatif mereka untuk membolehkan persekitaran sastera yang lebih inklusif dan berbilang bahasa.

Dengan meraikan kepelbagaian, mempromosikan kekayaan linguistik dan meneroka tema yang pelbagai, kesusasteraan Malaysia menyumbang kepada kerancakan budaya dan wacana intelektual negara serta memperkayakan landskap sastera untuk generasi kini dan akan datang.

Sasterawan Negara, **Datuk Seri Dr A Samad Said**

berkata perkembangan zaman yang semakin maju telah memberi

impak besar dalam bidang kesusasteraan Melayu.

Menurut beliau, kesan yang dapat dilihat dengan ketara ialah kurangnya permintaan dan penggunaan sastera dalam kalangan masyarakat masa kini.

“Perubahan zaman ini menjadi cabaran utama dalam perkembangan sastera negara selain beberapa cabaran lain.

“Ada juga mempersoalkan serta melihat kesusasteraan sebagai sesuatu yang hanya bersifat abstrak, tidak seperti bidang-bidang lain antaranya ekonomi dan sains,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Apresiasi A. Samad Said: Pak Samad Daripada Pandangan Generasi Muda.

Tambahnya, kurangnya minat membaca karya sastera dalam kalangan masyarakat masa kini merupakan antara cabaran dalam perkembangan dunia kesusasteraan.

“Banyak perkara yang menjadi faktor kekurangan membaca seperti bahasa yang digunakan mungkin sukar untuk difahami.

“Penggunaan elemen bahasa yang sangat kaya juga membuatkan pembaca kurang arif atau tidak memahami isi kandungan karya dan sekali gus akan berasa bosan dengannya.

“Karya sastera memerlukan penekunan dalam pembacaan dan mesej yang ingin disampaikan juga

mempunyai maksud-maksud yang tersirat di mana jelas sekali berbeza dengan bahan-bahan bacaan lain yang lebih mudah untuk diolah atau difahami,” ujarnya.

Beliau berpandangan sikap masyarakat terutamanya pelajar dan penuntut universiti yang tidak berminat dan tiada kecenderungan mendalami sastera, bahasa dan budaya antara faktor merudumnya bidang sastera di negara ini.

“Sasterawan negara sering membicarakan tentang soal kemasyarakatan serta soal perjuangan yang datangnya daripada sisi hidup seseorang penulis itu sendiri.


“Generasi masa kini tidak lagi cenderung untuk membaca karya-karya sastera yang mampu mendalami jiwa serta minda seseorang dan ilmu-ilmu yang terdapat dalam sesebuah karya itu sendiri,” katanya.

Walau bagaimanapun, beliau memberitahu kerajaan mempunyai

pelbagai *plan* serta langkah demi membangunkan serta terus memberi kerelevanan sastera buat generasi masa kini.

“Dengan adanya pesta buku, hari sastera dan sebagainya sedikit sebanyak memupuk semangat ingin membaca kepada generasi kini yang mudah dibuai dengan gajet-gajet.

“Diharapkan sastera negara akan terus berkembang di masa hadapan selain pelbagai cabaran yang dihadapi penulis-penulis sekarang yang mahu memberikan impak sastera kepada masyarakat,” katanya.

Selain itu pengkarya sastera, Fazleena Hishamuddin berkata antara cabaran penulis milenium adalah perlu mewujudkan karya-karya seperti terdahulu yang mampu memberi perasaan sehingga mengalirkan air mata, menceritakan tragedi penuh dengan kedukaan serta keperitan yang dihadapi tetapi ditulis dengan penuh keindahan. 



## Pelihara bahasa ibunda warisan budaya Malaysia

**SEKILAS** pandang, bahasa mungkin dilihat hanya sebagai alat komunikasi. Walau bagaimanapun, ia lebih daripada sekadar set perkataan dan peraturan tatabahasa.

Bahasa adalah kunci kepada kepelbagaian budaya dan linguistik dan merupakan bahagian asas identiti seseorang. Bahasa ibunda adalah sebahagian daripada warisan budaya setiap bangsa.

Bahasa ibunda adalah istilah yang merujuk kepada bahasa leluhur (*ancestral language*) sesuatu kelompok etnik.

Dalam konteks ini, ia adalah salah satu daripada beberapa kaedah utama yang membolehkan kelompok berkenaan menyebar dan menurunkan tradisi, sejarah, seni dan adat resam serta mewariskan budayanya dari generasi ke generasi.

Bahasa sentiasa menjadi agenda penting dalam matlamat Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu

(UNESCO).

Hak mempelajari dan menggunakan bahasa ibunda adalah hak asasi manusia yang termaktub dalam Perisytiharaan Bangsa-Bangsa Bersatu sehingga Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa telah diluluskan dan diiktiraf pada Persidangan Umum UNESCO tahun 1999.

Ia disambut setiap tahun pada 21 Februari bermula pada tahun berikutnya untuk mempromosikan kesedaran kepelbagaian bahasa dan budaya.

Segala usaha penggunaan bahasa ibunda bukan sahaja sebagai galakan kepelbagaian linguistik dan pendidikan multilingual bagi meningkatkan kesedaran terhadap bahasa ibunda, bahkan juga sebagai wadah perpaduan berasaskan kefahaman, toleransi dan dialog pelbagai budaya di dunia ini.

Melihat kepada kepentingan pemeliharaan warisan bangsa

di Malaysia yang unik dengan kepelbagaian bangsa serta pertuturan dalam pelbagai bahasa ibunda, Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa telah mula disambut pada tahun 2003 di negara ini.

Bahasa ibunda adalah tradisi dan sejarah bagi setiap negara dan harus terus hidup dan dipertahankan sebagai satu tradisi, budaya, seni dan sains selain sejarah sesuatu bangsa.

Malaysia merupakan sebuah negara unik yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan etnik. Antara bangsa yang terbesar di Malaysia ialah Melayu, Cina dan India yang masing-masing mempunyai pelbagai bahasa dan dialek tersendiri.

Kepelbagaian bahasa yang dituturkan oleh semua kaum ini mewarnai kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia.

Namun demikian, walaupun semua bahasa memainkan peranan sosialnya dan kita meraikan semua bahasa, dalam masyarakat berbilang

bahasa, ada bahasa yang mendapat keutamaan lebih daripada yang lain. Pertembungan adakalanya akan menyebabkan pengeklakan dan peralihan kepada sesuatu bahasa itu sendiri.

Peralihan bahasa (*language shift*) adalah fenomena linguistik yang menarik dan tidak dapat dielakkan terutama dalam masyarakat minoriti yang tinggal di dalam negara yang mengamalkan dasar dwibahasa yang bersandar kepada satu bahasa yang dominan.

Pemodenan yang pesat menyebabkan kesan pergeseran bahasa berbeza daripada satu komuniti bahasa ke satu komuniti bahasa yang lain.

Faktor-faktor yang boleh mendorong kepada pengeklakan dan peralihan bahasa antaranya adalah demografi, sosioekonomi, sosiopolitik dan sosial seperti pendidikan, perkahwinan, penghijrahan, sikap dan nilai.

Fenomena globalisasi dan era teknologi maklumat juga memberi kesan terhadap penggunaan isu ini.

Di samping itu, banyak bahasa semakin hilang setiap hari kerana penguasaan beberapa bahasa utama dunia dalam sumber maklumat. Sumber maklumat ialah semua sumber yang menyediakan maklumat, sama ada kandungan teks, bahan audio dan video, imej atau bentuk data lain.

Sepuluh daripada 6,700 bahasa yang dituturkan pada hari ini di seluruh dunia bakal lenyap sebelum penghujung abad ini jika tiada tindakan segera oleh kerajaan-kerajaan dan komuniti penutur yang terbabit.

Program Bahasa Terancam UNESCO menggerakkan kerjasama antarabangsa untuk memberi tumpuan kepada permasalahan ini di samping menggalakkan penyelesaian inovatif kepada komuniti, pakar dan pihak yang terlibat. - **BERNAMA**

# Cabaran pindah buku ke skrin

MAIZURA EDERIS

**S**EPANJANG kerjaya sebagai penulis skrin, saya telah menghasilkan sekitar 15 karya adaptasi novel ke drama bersiri televisyen. Sebahagian besar adalah novel popular manakala sebahagian kecil, novel sastera.

Memang menjadi impian saya untuk mengangkat karya-karya sastera yang serius dan berat ke skrin. Antara yang pernah menjadi kenyataan ialah *Kemboja Di Hati*, *Acid Patmabi*, *Ayahanda dan Selendang Anum* yang ditukar tajuk menjadi *Katakan Pada Dia*. Kesemua novel ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Terbaharu, saya mempertaruhkan novel bertajuk *Memoir Seorang Guru* karya Allahyarham Azizi Haji Abdullah untuk diangkat ke layar lebar. Projek ini benar-benar menguji kemampuan saya. Selain medium filem yang masih asing buat saya, kandungan novel sarat dengan falsafah kehidupan.

Mujur saya dibantu oleh rakan penulis, Che Li. Kami mengambil masa selama empat bulan untuk menyiapkan lakon layar dan ia melibatkan enam draf.

Pada dasarnya, *Memoir Seorang Guru* menceritakan tentang Cikgu Sunan yang bosan dengan kerjayanya kerana bekerja hanya untuk gaji. Suatu hari, Cikgu Sunan melawan dan ingkar arahan pihak atasan hingga ditukarkan

ke sekolah di pedalaman sebagai hukuman. Berlaku beberapa insiden tragis di daerah terpencil yang mengubah pendirian Cikgu Sunan. Daripada bekerja sekadar untuk makan gaji, mula terbit keinginan beliau untuk mendidik anak-anak bangsa yang jauh ketinggalan daripada arus pembangunan negara.

Cabaran utama dalam mengangkat novel karya sasterawan tanah air yang terkenal ini ialah terlalu banyak plot, watak dan insiden yang berlaku. Justeru, kami berhadapan dengan keputusan yang sukar dalam menentukan apa yang hendak diambil dan apa yang perlu dibuang. Sedangkan durasi penceritaan filem hanya dua jam.

Perbezaan medium sentiasa dititikberatkan. Apa yang menarik di atas halaman kertas tidak semestinya jadi cantik di skrin nanti.

Banyak sekali insiden yang sukar digambarkan di atas skrin disebabkan oleh kekangan bajet. Apatah lagi projek ini diterbitkan oleh rumah produksi yang kecil. Sebahagian pembiayaan pula datangnya daripada pihak FINAS dan hanya berjumlah RM500,000.


Setelah siap draf pertama, saya dan Che Li perlu pula membantu pihak produksi dalam pencarian watak kanak-kanak. Terngiang-

ngiang di telinga akan pesanan panel FINAS bahawa watak kanak-kanak menjadi faktor utama yang menentukan kejayaan filem ini. Kami bernasib baik kerana pelakon berkaliber, Datuk Rosyam Nor sudi menggalas tanggungjawab sebagai guru kepada kanak-kanak ini.

Setelah itu, bermulalah proses penambahbaikan ke atas skrip setelah perbincangan dengan tenaga kerja demi mendapat hasil yang terbaik di layar kelak. Di sinilah munculnya cabaran kedua iaitu kompromi dan hikmah. Setiap pandangan itu ada baik dan buruknya. Semuanya perlu diperdebatkan. Pada masa yang sama, perlu menjaga keharmonian dalam pasukan.

Bohonglah kalau tidak ada 'gaduh' langsung. Gaduh seolah-olah sudah menjadi 'rukun' dan 'syarat sah' dalam kerja berpasukan. Namun, semuanya dapat ditangani dengan baik.

Kini, *Memoir Seorang Guru* sedang ditayangkan di 97 pawagam di seluruh negara (kecuali Kelantan dan Perlis). Filem ini untuk menghargai jasa



semua guru di seluruh negara. Diarahkan oleh Kyoll Hamzah dan diterbitkan Tanah Merah Ventures dengan kerjasama Kalam Ariff Holding Sdn Bhd, Mache All Star Sdn Bhd dan Yayasan Pembangunan Guru Malaysia. Mad Nor Kassim pula terlibat sebagai pengarah fotografi. Manakala pelakon cilik dibarisi

Danish Zamri, Syed Muhammad Baqir, Hafiyal Tamis, Kiky Hannah, Raffque Iskandar dan Dhiyaa Raidah.

Maklum balas penonton sangat positif. Ramai yang ketawa melihat telatah lucu budak kampung tetapi kemudiannya teresak sedih apabila satu demi satu tragedi menimpa mereka.

Apakah tragedi itu? Jawapannya ada di pawagam berdekatan.

## Usia bukan penghalang buat Blues Gang

**USIA** tidak menjadi penghalang Blues Gang untuk beraksi hebat pada konsert solo pertama mereka, Blues Gang Apo Nak Dikato yang dijadualkan berlangsung pada 9 Ogos depan di Zepp KL.

Menurut vokalisnya **Ito Mohd**, mereka masih boleh membuat persembahan dengan baik kerana mereka adalah penyanyi dan pemuzik sepenuh masa.

"Kami tak pernah berhenti menyanyi jadi dari segi persediaan insya-Allah bersedia. Sememangnya dari segi tenaga, ada kurangnya tapi kami akan gunakan teknik nanti.

"Konsert anjuran AV Group ini adalah sebagai cerminan perjalanan lima dekad Blues Gang pada persembahan yang dinamakan bersempena judul malar segar, Apo

Nak Dikato yang dikeluarkan 40 tahun lalu," ujarnya.

Ito juga menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya Blues Gang hanya 'hidup' disebabkan beberapa buah lagu yang masih dimainkan di radio.

"Walaupun kehilangan beberapa ahli. Sekarang kami tinggal hanya bertiga selepas pemain bass, Jim Madasamy dan pemain dram yang juga pengasas bersama Blues Gang, Shaikh Karim meninggal dunia.

Selain Ito atau nama sebenarnya Mohd Arif Kendut, turut meneruskan perjuangan Blues Gang adalah Julian Mokhtar sebagai pemain gitar utama dan Ghani Dato Abu Talib (gitar kedua dan keyboard).

Tambah Ghani pula, konsert tersebut akan melakar sejarah bagi Blues Gang.

"Konsert ini adalah klimaks sebab selama 50 tahun saya tak pernah fikir kami akan sejauh ini," katanya.

Menurut penganjur Zool Azri dari AV Group, Blues Gang dikagumi kerana ketuhanan identiti yang dibawa selama 50 tahun.

"Selain puluhan hits Blues Gang seawal 70-an, segmen khas Melayu pula akan

menyaksikan alunan blues dan rock menyatu dengan Dikir Barat, serunai Melayu, gendang serta beberapa muzik tradisi Melayu yang menjadi teras muzik Melayu Malaysia sejak zaman-berzaman," ujarnya.


Lagu-lagu siulan seperti Ibu dan lagu ikonik Apo Nak Di Kato akan dipersembahkan dalam konsert selama hampir dua jam selain lagu Inggeris daripada album terdahulu berjudul *Malaya Blues* bakal mengembalikan nostalgia.

Blues Gang yang akan muncul dengan album baharu mereka berjudul *Panglima Awang Hitam* ini juga menganggap bukan satu isu besar apabila konsert mereka sama dengan tarikh konsert ratu rock negara, Ella di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Selain persembahan, pelbagai cenderahati akan dihadiahkan kepada penonton bertuah pada konsert itu nanti.

Peminat boleh mendapatkan tiket-tiket konsert di laman web [ilassotickets.com](http://ilassotickets.com) mulai sekarang sehingga ke tarikh konsert atau membeli secara bayaran ansuran sebanyak tiga kali di laman web itu nanti menggunakan aplikasi *Atome*.

Tiket berharga RM198 (Silver), RM268 (Gold), RM398 (Platinum) dan RM338 (Diamond), selain RM5,099 (Royal Box - ruang eksklusif boleh memuatkan 8-10 pax).

Sebarang pertanyaan boleh layari [ilassotickets.com](http://ilassotickets.com) atau hubungi hotline 011-1329 7822. 







**PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong sempena lawatan kerja sulung beliau ke Malaysia pada Rabu.**



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menerima kunjungan hormat dari Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang diketuai oleh Pengarah sektor, Wilayah Persekutuan, Ummi Kalthum Shuib.**



**MENTERI Luar Negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan mengadakan lawatan ke pusat operasi Pertubuhan Kebajikan Hashemite Jordan (JHCO) dan Pusat Kanser Raja Hussein (KHCC) King Hussein Cancer Foundation and Center sempena lawatan kerjanya di Jordan bermula pada 10 hingga 12 Jun 2024.**



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, mewakili Kerajaan Malaysia dalam Simposium Haji yang dianjurkan Kerajaan Arab Saudi di Makkah sempena Musim Haji, 1445 Hijri.**



# Taman YPJ Punggai

Pengerang, Johor

## RM 278,800

### RUMAH TERES 2 TINGKAT

**4** BILIK TIDUR **3** BILIK AIR

**90% SIAP**

**UNTUK PENJAWAT AWAM ANAK PESARA PESARA**

**IMBAS UNTUK BROSUR**

07- 241 6651

[www.yplibuilders.com.my](http://www.yplibuilders.com.my)

Wisma YPJ Holdings,  
No 5 Jalan Sri Perkasa 1/3,  
Taman Tampoi Utama  
81200 Johor Bahru, Johor

Tingkat taraf hidup rakyat

# YWP proaktif bantu golongan memerlukan

SYED HAZIQUE

**Y**AYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) terus proaktif dalam membantu serta meningkatkan taraf hidup rakyat terutamanya bagi golongan yang memerlukan di sekitar Wilayah Persekutuan.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Rohani Hussin** berkata pihaknya sentiasa cakna dalam usaha membantu meringankan kos sara hidup rakyat khususnya bagi mereka yang ditimpa musibah, bencana, sakit yang melarat, fakir miskin dan warga emas yang susah.

Menurut Rohani, YWP juga melaksanakan pelbagai program pembangunan pendidikan, ekonomi, pembangunan sosial, pengukuhan agama dan penguasaan teknologi yang dapat membantu menoktahkan kemiskinan di kalangan rakyat Wilayah Persekutuan.

“Saya percaya banyak manfaat yang diperoleh buat masyarakat B40 di ketiga-tiga wilayah ini di samping membantu meningkatkan

ekonomi masyarakat yang memerlukan.

“Selain bantuan barang keperluan, pihak YWP turut membantu daripada segi dana perniagaan, bayaran sewa, pendidikan dan pelbagai lagi agar mereka dapat menjana pendapatan sendiri sekali gus mengubah nasib hidup,” katanya baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Khas YWP bersama Yang Berhormat (YB) Prabakaran Parameswaran Ahli Parlimen Batu di Pejabat Khidmat Rakyat Parlimen Batu, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

Tambah Rohani, beliau turut meminta bantuan Ahli Parlimen serta orang ramai termasuk agensi korporat untuk tampil ke hadapan bagi membantu bersama-sama usaha membasmi kemiskinan di Wilayah Persekutuan.


“Golongan yang layak menerima bantuan ialah daripada B40, asnaf serta fakir boleh

menerima bantuan, cumanya kita harap kerjasama daripada pihak Ahli Parlimen dan orang ramai.

“Pihak YWP ingin cuba mengurangkan serta membasmi golongan miskin kerana pihak YWP mempunyai dana serta sumbangan yang diterima untuk dikembalikan kepada rakyat,” jelasnya lagi.

Rohani berkata kerjasama itu juga sedikit sebanyak dapat menyalurkan bantuan terus kepada penerima selain mengurangkan ketirisan.

“Sudah tentunya pihak YWP akan melakukan penyiasatan kepada pemohon sebelum meluluskan permohonan kerana kita tidak mahu berlakunya pertindihan, seperti orang lain mengambil hak orang lain.

“Pihak YWP mahu membantu kesemua golongan yang memerlukan tanpa mengira bangsa serta agama kerana itu apa yang kami lakukan di YWP selama ini,” katanya. 



ROHANI (dua kanan) menyampaikan sumbangan kepada penerima bantuan.

## APC suntik semangat warga JWP bekerja lebih gigih

**USAHA** gigih 48 kakitangan di Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) membuahkan hasil apabila masing-masing menerima Anugerah Pekerja Cemerlang (APC) pada tahun 2023/2024 dalam satu majlis yang berlangsung di Bangi Resort Hotel baru-baru ini.

Berkongsi keterujaan menerima anugerah tersebut, Pegawai Belia dan Sukan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), **Mohd Hazriq Ikhwan Mohd Sharif**, 45, berkata ini merupakan kali pertama dia memenangnya selepas berkhidmat selama 11 tahun.

“Di MSWP, pencapaian diukur melalui setiap kejayaan persatuan sukan di peringkat negeri atau antarabangsa di mana saya dan rakan sejawat yang lain bertanggungjawab dalam membantu memudahkan urusan persatuan serta para atlet untuk mempersiapkan diri sebelum kejohanan. Jadi dengan APC ini sekali gus membuktikan bahawa kerja keras kami dihargai di samping kejayaan-kejayaan persatuan sukan.

“Saya rasa lebih bersemangat serta beriltizam untuk melaksanakan tanggungjawab dengan lebih baik pada masa akan datang,” katanya yang mahu berkhidmat sehingga mencapai umur 60 tahun.

Sementara itu, **Noor Diyana Mohamad Zamri**, 35, menyifatkan anugerah yang diterima sebagai pembakar semangat untuk terus



ZALIHA (enam kiri, duduk) bergambar kenangan bersama penerima-penerima APC 2023/2024.

berusaha lebih gigih pada masa akan datang.

“Terima kasih kepada jawatankuasa yang terlibat dan pemilihan saya ini membuktikan yang pihak atasan nampak serta menghargai segala usaha saya dalam melaksanakan segala tanggungjawab dengan baik.

“Pastinya kejayaan ini bukan milik saya seorang, ia juga hasil kerjasama daripada rakan-rakan

sejawat kerana kita bekerja sebagai satu pasukan.

“Untuk akan datang saya perlu bekerja dengan lebih teratur supaya dapat menjalankan beberapa tugas dalam satu masa kerana tugas di bahagian komunikasi korporat ini agak mencabar,” ujarnya yang telah berkhidmat selama tiga tahun sebagai Pegawai Penerangan JWP. Seorang lagi penerima,

**Mohd Rizal Ahmad Hariri**, 50, melahirkan rasa syukur apabila terpilih sebagai salah seorang penerima APC bagi tahun 2023/2024.


“Saya rasa bertuah bukan sahaja sebab menerima APC tetapi di JWP ini kita dipertanggungjawabkan untuk menjaga tiga wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga Labuan di mana ketiga-tiganya

mempunyai demografi dan ekonomi yang berbeza.

“JWP ini berbeza kerana kementerian lain hanya berkhidmat untuk satu negeri dan dari segi jumlah pekerjaannya ramai namun di sini kita mempunyai pekerja yang kecil sahaja namun perlu menjaga tiga negeri. Ia merupakan satu cabaran yang menarik buat saya untuk berkhidmat di sini,” ujarnya yang merupakan Ketua Akauntan di JWP.

Tambahnya, anugerah ini sudah pasti akan menjadi pendorong kepada dirinya dan rakan-rakan yang lain untuk bekerja dengan lebih gigih pada masa hadapan.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa turut menyampaikan Sijil Penghargaan Pesara kepada tiga orang pesara bersempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Agensi Tahun 2023/2024.

Bertemakan Prestasi Cemerlang Memacu Wilayah Persekutuan Sejahtera, penerima anugerah diberikan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi wang tunai bernilai RM1,000 manakala bagi pesara yang bersara wajib dan pilihan masing-masing menerima sijil serta wang tunai berjumlah RM600 dan cenderamata sumbangan Kelab Kebajikan dan Sukan Jabatan. 



# JANGAN SEBAR VIDEO YANG MENGANDUNGI PERKARA MENYAKITI HATI, MENGGANGGU DAN MENGANCAM ORANG LAIN



**PENGHANTARAN KOMUNIKASI YANG MEMPUNYAI CIRI-CIRI  
TERSEBUT ADALAH SATU PERBUATAN YANG DILARANG  
DI BAWAH AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998  
(AKM 1998)**

Tempoh 90 hari untuk ke luar kawasan tidak memadai

# Rayu tempoh cukai kenderaan dilanjutkan

KHAIRUL IDIN

**M**AJORITI penduduk di sini memohon kerajaan memberikan tempoh cukai kenderaan yang dibeli dan berdaftar di Pulau Bebas Cukai (PBC) ditambah daripada 90 hari ke 120 hari untuk berada di luar kawasan bagi tempoh setahun.

Menurut pekerja swasta, **Emma Shawina Harun**, cadangan itu amat diperlukan berikutan kebanyakan mereka ketika ini mempunyai pelbagai urusan di Sabah khususnya mendapatkan rawatan susulan di hospital.

“Sejujurnya, tempoh yang diberikan itu memang tidak cukup untuk kami yang setiap bulan terpaksa menyeberang ke Sabah.

“90 hari itu kami boleh menikmatinya hanya untuk beberapa bulan sahaja. Jika tempoh itu habis, saya dan ahli keluarga lain terpaksa menyewa kereta di Sabah.

“Bagi kami yang masih berkemampuan ini kira boleh lagi bertahan. Namun bagaimana pula dengan mereka yang kurang berkemampuan?” katanya kepada *Wilayahku*.

Beliau turut berharap kerajaan dapat mendengar suara mereka dan memberikan tambahan tempoh kepada pemilik kenderaan yang berdaftar di PBC ini.

Bagi pesara kerajaan,

**Mohammad Hassan Kapal** menyifatkan keperluan penambahan itu amat diperlukan bagi setiap penduduk di pulau itu.

Katanya, penduduk masih memerlukan perkhidmatan dan kemudahan fasiliti di Sabah untuk pelbagai urusan bukan sahaja dari segi kemudahan kesihatan malah urusan rasmi dan tidak rasmi.

“Seperti yang kita tahu, penduduk pulau ini mempunyai keluarga di Sabah dan jika berlaku sebarang kecemasan atau perkara yang tidak dijangka, kami perlu balik ke seberang.

“Tetapi jika kenderaan sudah habis tempoh maka ia menjadi sulit.

“Kami faham dan akur dengan undang-undang yang ditetapkan namun tempoh yang diberikan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ketika ini tidak mencukupi,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Dewan Perniagaan India Labuan, **Datuk Dahlif Singh** menyokong cadangan tersebut berdasarkan keperluan penduduk dan kepentingan ekonomi.

Jelasnya, sebagai ahli perniagaan, sudah tentu pelbagai



EMMA SHAWINA



HASSAN



DAHLIF SINGH



KENDERAAN persendirian amat diperlukan untuk pelbagai urusan di Sabah. -Gambar hiasan

urusan perlu dilaksanakan yang melibatkan pergerakan termasuk perlu ke Sabah dengan kerap.

“Masalah ini bukan sahaja dialami oleh penduduk malahan ia turut memberikan kesan kepada para peniaga di pulau ini untuk melakukan pelbagai urusan perniagaan.

“Sebagai peniaga, kami memerlukan kenderaan persendirian untuk bergerak ke Sabah bagi mendapatkan bahan mentah dan sebagainya untuk

dibekalkan ke Labuan meskipun pengangkutan logistik diuruskan pihak sana.


“Sebagai penduduk Labuan, saya merasakan memiliki kenderaan yang berdaftar di sini menjadi satu beban kepada kami kerana tempoh masa yang diberikan itu amat tidak mencukupi,” katanya.

Untuk rekod, JKDM Labuan menyita 34 kenderaan pelbagai jenama bernilai lebih RM 3.08 juta termasuk duti belum dibayar menerusi beberapa siri

operasi tahun ini.

Pengarah JKDM Labuan, Aspalila Awang Tuah dilaporkan berkata, kenderaan mewah seperti BMW, Toyota Vellfire, Volkswagen, Mercedes-Benz dan Audi Q7 disita dalam operasi yang dijalankan di tanah besar Sabah.

Beliau berkata, sebanyak 34 kes dicatatkan berbanding 16 kes pada tahun sebelumnya.

Modus operandi sindiket adalah membawa kenderaan itu ke luar pulau bebas cukai, iaitu Kawasan Utama Kastam (KUK) menerusi kemudahan di bawah Butiran 14 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017. 

## MOTAC salur peruntukan RM250,000

**KEMENTERIAN** Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menyalurkan peruntukan sejumlah RM250,000 kepada Pusat Aktiviti Homestay Kampung Sungai Labu menerusi Projek Pemuliharaan Ubah suai dan Menaik taraf bagi tahun 2024.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC, **Datuk Shaharuddin Abu Sohot**, peruntukan itu adalah sebagai langkah awal melakukan persediaan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

“MOTAC dari semasa ke semasa sentiasa memberikan sokongan untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan fasiliti yang sedia ada dan kita telah merancang untuk melaksanakan pelbagai program pada Tahun Melawat Malaysia 2026.

“Bermula sekarang kita harus memulakan kerja-kerja membaiki dan menaik taraf kemudahan fasiliti agar ia dapat memberikan keselesaan kepada semua khususnya pengunjung luar dan warga di pulau ini,” katanya kepada pemberita pada Fiesta Gastronomi Tradisional yang



SHAHARUDDIN (tiga dari kanan) menyerahkan replika cek sumbangan.


diadakan di Pusat Aktiviti Homestay Kampung Sungai Labu, baru-baru ini.

Mengulas lanjut mengenai program berkenaan, Shaharuddin menyatakan penganjuran itu mampu mengangkat semula makanan tradisional masyarakat di pulau itu.

“Bersesuaian dengan tema program ini untuk memperkenalkan pelbagai makanan tradisional masyarakat di sini dan ia memberikan satu peluang kepada orang luar yang belum pernah

merasai makanan tersebut.

“Selain itu, ia adalah usaha MOTAC dalam mengetengah dan memartabatkan makanan tradisional kepada generasi muda agar ia tidak hilang ditelan zaman,” katanya.

Terdahulu, sebanyak tiga Pusat Aktiviti Homestay iaitu Kampung Patau-Patau, Kampung Sungai Labu dan Kampung Bukit Kuda menyertai program tersebut dengan mempamerkan hidangan makanan dan kuih tradisional seperti kuih jelurut dan ambuyat. 

## Membangun pelancongan

**JAWATANKUASA** Pasukan Petugas Pelancongan Labuan akan memberi tumpuan kepada beberapa perancangan pembangunan pelancongan bagi merencanakan semula sektor tersebut di Pulau Bebas Cukai.


Perbadanan Labuan (PL) dalam satu kenyataan memaklumkan satu mesyuarat dan sesi libat urus yang julung kali diadakan dipengerusikan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Ramlee Yatim akan menambah keanggotaan daripada pelbagai agensi dan ia turut diperkemas dengan mengambil kira bidang kuasa dan peranan agensi berkenaan.

“Tindakan penambahan keanggotaan berdasarkan kepada kepentingan dan peranan setiap agensi

yang terlibat serta untuk memastikan perancangan pembangunan pelancongan dapat direalisasikan.

“Selain itu, penglibatan daripada para pengusaha pelancongan di Labuan turut diperlukan bagi mendapatkan cadangan dan idea bagi usaha memperkemas lagi cadangan dalam memacu semula sektor pelancongan di Labuan,” katanya.

Agensi itu berkata hasil daripada sesi tersebut, pihaknya sudah mengenal pasti beberapa kekangan yang menyebabkan sektor pelancongan ini sukar dikembangkan.

“Antara isu tersebut adalah penerbangan keluar masuk, pengoperasian terminal feri, lapangan terbang dan pengendalian kenderaan sewa,” katanya. 

Kekal status acara Duathlon Terbesar Dunia

# Peserta 30 negara berhimpun di Powerman

SABRINA SABRE

**A**CARA POWERMAN Malaysia Duathlon 2024 menyaksikan penyertaan tertinggi dengan membabitkan atlet elit, amatir dan junior sekali gus mengekalkan statusnya sebagai acara Duathlon Terbesar Dunia.

Menurut Pengarah Urusan Fresh Events Asia Sdn Bhd, **Jeffrey Ross**, acara yang berlangsung selama dua hari itu menampilkan seramai 4,000 peserta dari 30 buah negara termasuk Singapura, Thailand, Jepun, Perancis, Kenya, Hong Kong, United Kingdom dan Filipina.

“Sambutan hangat yang diterima bagi edisi kali ini menampilkan penyertaan daripada pelbagai demografik peserta. Penyertaan bagi tahun 2024 adalah lebih menyeluruh dengan membabitkan pelbagai lapisan usia, kerakyatan serta latar belakang peserta.

“Lebih menarik, laluan yang direka sepanjang 80 kilometer (km) di Putrajaya itu menanti peserta yang jelas perlu berada pada tahap terbaik untuk menghadapi cabaran beraksi dalam cuaca yang agak panas,” ujar beliau.

Sebagai rekod, penganjuran acara itu bertujuan untuk mewujudkan suasana yang inklusif serta merapatkan jurang antara atlet profesional dan atlet biasa yang memiliki semangat kecergasan serta ketahanan sukan.

Selain itu, Jeffrey Ross berkata dengan menyertai acara ini sebagai peserta ataupun pemerhati, secara tidak langsung mereka boleh terlibat dalam banyak acara termasuklah pameran kesihatan, bengkel interaktif dan peluang



**POWERMAN Malaysia 2024 terima sambutan luar biasa.**

berhubung bersama pakar industri serta atlet terkemuka.

“Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta dan juga mereka yang membantu sepanjang menjayakan acara ini. Kami sangat berbangga dengan sambutan luar biasa yang diterima selain bersama-sama membuka lembaran baharu dalam kisah POWERMAN Malaysia dengan penganjuran duathlon edisi ke-19 ini.

“Acara tahun ini mencapai tanda aras baharu dengan penyertaan jenama kenderaan utiliti sukan (SUV) premium antarabangsa, JAECOO sebagai rakan kerjasama kami. POWERMAN Malaysia terkenal sebagai salah satu acara

yang paling popular dan berjaya di negara ini dan pastinya kami teruja dan berbangga untuk berkongsi pentas ini dengan JAECOO pada 2024,” ujarnya.

Dalam pada itu, Naib Presiden JAECOO Malaysia, Emily Lek berkata jenama JAECOO melambangkan ciri-ciri individu masa kini yang berani, sedia menempuh cabaran dan bercita-cita tinggi.

“Kami teruja untuk menyemarakkan semangat ini menerusi kerjasama kami dengan POWERMAN Malaysia. Sebagaimana setiap atlet didorong oleh keinginan untuk menyerlah dalam keadaan yang paling mencabar, JAECOO juga

menyerlah dengan reka bentuk dan prestasi tersendiri bagi para peminat gaya hidup aktif yang menggemari aktiviti luar,” ujarnya.

Edisi pada tahun ini yang berlangsung pada 8 dan 9 Jun lalu itu menyaksikan John Leerams Chicano dari Filipina memenangi tempat pertama bagi kategori lelaki elit dengan mencatat masa keseluruhan 02:41:48 dan pemenang wanita elit pula diungguli oleh Rendy Williams dari Amerika Syarikat dengan catatan masa keseluruhan 03:09:34.


Sementara itu, Trio Malaysia, Esther Joy Hong Li Chen (03:13:35), Muhammad Rabani Hashim (02:58:41) dan Nazri

Muhamad (02:59:24) dengan bangganya menamatkan perlumbaan masing-masing di tempat kedua, kelima dan keenam dalam kategori elit.

Acara tersebut turut disertai kira-kira 20 kanak-kanak kurang upaya (OKU) fizikal dan keperluan khas yang mendapat sokongan padu dan sorakan gemuruh daripada semua penonton dan peserta.

Selain daripada menyertai aktiviti menyeronokkan, peserta dan pengunjung juga berpeluang untuk melihat sendiri SUV premium JAECOO J7 yang beraksi sebagai kenderaan pemula perlumbaan, menyokong usaha POWERMAN Malaysia untuk menyampaikan pengalaman memberi terulang bagi para atlet.

Dalam masa sama, peserta turut berpeluang merasai sendiri varian SUV Pacuan Semua Roda (AWD) dan Pacuan Dua Roda (2WD) baharu dan menarik ini oleh JAECOO yang dipamerkan di lokasi acara. POWERMAN 2024 oleh JAECOO bukan sahaja membawakan perlumbaan yang menguji ketahanan fizikal tetapi juga menjanjikan pengalaman yang menyeluruh.

Terdahulu, Majlis Pelepasan (Flag Off) POWERMAN 2024 bagi kategori elit, klasik dan pendek disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Hannah Yeoh; Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud; Naib Presiden JAECOO Malaysia, Emily Lek dan Pengarah Mesyuarat dan Insentif Sokongan Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB), Mohammad Isa Abdul Halim. 

## Preloved Treasure ke arah inisiatif bebas sisa buangan

**PERBABADAN** Putrajaya (PPj) meluaskan lagi pelaksanaan inisiatif kitar semula komuniti anjurannya dengan pelancaran Program Jualan Preloved Treasure dalam usaha mewujudkan negara yang bebas sisa buangan.

Menurut Pengarah Bahagian Kesihatan Persekitaran PPj, **Dr Mohd Helmi Abdul Hamid**, Program Jualan Preloved Treasure merupakan kesinambungan Jualan Butik 3R secara tertutup di Pusat Kitar Semula Putrajaya yang telah bermula sejak 2010 lagi di awal pengoperasian pusat kitar semula.

“Biasanya pakaian lama atau baju terpakai berakhir dalam tong sampah atau setidak-tidaknya pun dijadikan kain perca atau kain lap, selain alas kaki.

“Jadi pihak kami melaksanakan program ini bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk membeli



**JUALAN tersebut mampu mempertingkatkan amalan kitar semula.**

pakaian terpakai dengan harga serendah RM3.

“Hasil jualan akan dimanfaatkan bagi penambahbaikan

pengoperasian kitar semula,” ujar beliau.

Helmi berkata program tersebut merupakan salah satu inisiatif bagi

mengurangkan sampah ke pusat pelupusan dengan menjadikan pakaian terpakai yang dibuang untuk dijual semula kepada yang memerlukan.

“Alhamdulillah setakat ini kami menerima respons yang sangat positif daripada pengunjung Pusat Kitar Semula dan kebanyakan dalam kalangan mereka turut berminat untuk membeli pakaian dan juga novel terpakai.


“Hal ini kerana kadar yang mampu milik dengan kualiti pakaian yang baik dan jauh lebih rendah dari pasaran luar dan RM3 untuk semua jenis pakaian,” ujarnya.

Selain itu, Helmi memberitahu program dengan kerjasama pihak Alam Flora Environmental Solution (AFES) selaku operator yang menjalankan operasi kitar semula di Putrajaya, komuniti

setempat dan warga PPj ini diadakan sebulan sekali pada Sabtu minggu ketiga.

“Ayuh hadirkan diri anda dan sertai kami. Pihak PPj dan AFES memberikan komitmen penuh untuk mencetus perubahan positif dalam masyarakat termasuk membina masa depan yang lebih lestari buat semua.

“Kami juga membuat perancangan supaya program ini dianjurkan ke Carbooth Sale Area Putrajaya.

“Kami berharap pihak PPj dapat menyediakan kemudahan dan program 3R menyokong usaha Menteri Wilayah Persekutuan dalam memperkasakan ekonomi sekular khususnya di Putrajaya,” ujarnya yang turut berharap program kitar semula kepada komuniti luar bandar pada masa hadapan. 

Sukan Olimpik Paris 2024

# ADAMAS 'kejar' atlet lengkapkan modul khas

SABRINA SABRE

**A**GENSI Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) sedang berusaha 'mengejar' atlet negara yang layak ke Sukan Olimpik 2024 di Paris untuk lengkapkan modul khas temasya sukan terbesar dunia itu seperti terkandung dalam Anti Doping Education and Learning (ADEL).

Selain meminta atlet menjalani kursus doping secara fizikal di Majlis Sukan Negara (MSN) Bukit Jalil, Pengarah ADAMAS, **Azura Abidin** berkata pihaknya juga menggerakkan usaha menggalakkan mereka yang berlatih di luar negara untuk lengkapkan modul tersebut secara dalam talian.

"Bukan sahaja atlet, malah jurulatih serta pegawai sokongan sukan terlibat pada Paris 2024 juga digalakkan lengkapkan modul dalam ADEL yang diiktiraf Agensi Anti-Doping Dunia (WADA).

"Kami telah menggerakkan usaha dengan memohon bantuan

Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan MSN meminta atlet menjalani modul khas Olimpik ini sejak April lepas.

"Selepas tamat menjalani modul Sukan Olimpik, mereka termasuk atlet terlibat perlu menduduki ujian bagi menguji tahap pemahaman dan perlu lulus dengan 85 markah sebelum diberikan sijil manakala data diperoleh daripada ujian tersebut akan disatukan di peringkat WADA," ujar beliau.

Walaupun tiada tempoh spesifik ditetapkan pihaknya untuk lengkapkan modul tersebut, namun Azura menaruh harapan tinggi agar ia dapat disudahkan mereka yang terlibat termasuk atlet seelok-eloknya sebelum berlepas ke Paris.


"Kalau boleh kita mahu mereka siapkan awal sebelum ke Paris jadi mereka boleh tumpukan dengan pertandingan di sana," ujarinya.

Beliau berkata modul khas

Olimpik dalam ADEL penting bagi atlet untuk menambah ilmu mengenai doping termasuk akibat penggunaan bahan terlarang dan membantu mereka bersiap siaga dengan situasi sekiranya dipanggil membuat ujian doping selepas tamat pertandingan.

Dalam pada itu, Azura berkata ADAMAS telah lengkapkan pengambilan sampel kepada hampir keseluruhan 18 atlet yang layak ke temasya sukan empat tahun sekali itu setakat ini.

Antara 18 atlet yang telah mengesahkan tempat ke Paris 2024 ialah jaguh berbasikal trek negara, Datuk Mohd Azizulhasni Awang, pemenang gangsa beregu lelaki Sukan Olimpik 2020, Aaron Chia-Soh Wooi Yik serta pemain perseorangan lelaki profesional, Lee Zii Jia.

Sukan Olimpik 2024 dijadual berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos ini. 



**AZEEM FAHMI** (kiri) yakin dirinya mampu terus menyinar dalam setiap kejohanan yang disertai.

## Azeem fokus bina rasa seronok bertanding

**PELARI** pecut sensasi negara, **Muhammad Azeem Mohd Fahmi** tidak mahu tertekan dalam memburu slot ke Sukan Olimpik Paris 2024 yang akan membuka tirai Julai ini.

Sebaliknya atlet berusia 20 tahun yang berpangkalan di Amerika Syarikat itu ingin terus fokus bagi mendapatkan semula keseronokan bersaing di pentas antarabangsa.

Pelari kelahiran Teluk Intan, Perak itu berkata buat masa ini dia berada pada tahap terbaik selain mahu terus kekal positif dan yakin dirinya mampu terus menyinar pada mana-mana kejohanan yang akan disertainya tahun ini.

"Saya tidak risau tentang Olimpik, kalau ada rezeki, ada lah. Sekarang, saya hanya mahu fokus pada mendapatkan semula keseronokan bertanding dan menerima diri sendiri," ujarinya.


Muhammad Azeem yang lebih dikenali sebagai Azeem Fahmi merupakan pemegang rekod 100 meter (m) kebangsaan dengan catatan 10.09 saat (s) dan telah melakukan catatan terbaiknya musim ini 10.24s ketika beraksi pada Kejohanan Olahraga LSU


Invitational di Los Angeles pada 27 April lepas.

Bagaimanapun, catatan tersebut masih jauh jika dibandingkan dengan kelayakan ke Paris yang memerlukan beliau mencatat 10s untuk layak secara merit dalam acara tumpuan itu.

Jawatankuasa pemilihan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) perlu menyerahkan nama sama ada Azeem Fahmi atau Shereen Samson Vallabouy kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM) sebelum 8 Julai ini, sekiranya kedua-dua atlet itu tidak dapat melayakkan diri secara merit.

Azeem Fahmi bakal berdepan beberapa kejohanan berturut-turut bermula dengan Terbuka Malaysia pada 14 hingga 16 Jun ini diikuti Terbuka Kazakhstan (23 hingga 24 Jun) dan Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2024 di Surabaya-Malang, Indonesia pada 2 hingga 5 Julai.

"Jadi dengan kejohanan berturut-turut ini, saya akan terus berada di Malaysia selepas Terbuka Kazakhstan dan selepas AUG 2024, saya akan jalani kem latihan di Jerman bersama pasukan saya," ujarinya. 



**SUKAN angkat berat** merupakan kes berprofil tinggi yang sering terpalit dengan isu doping.

## Syarat penyertaan SUKMA dikaji semula agar lebih relevan

**KEMENTERIAN** Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Sukan Negara (MSN) akan mengkaji semula syarat penyertaan minimum bagi acara yang dipertandingkan di temasya Sukan Malaysia (SUKMA).

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata langkah itu bagi membolehkan acara sukan

terus dipertandingkan walaupun tidak mendapat penyertaan daripada sekurang-kurangnya enam negeri iaitu syarat yang diguna pakai ketika ini.

Beliau berkata dengan meminda syarat penyertaan minimum itu, ia memberi peluang kepada lebih banyak atlet mendapat pengalaman


bertanding selain memudahkan proses pencarian pelapis atlet kebangsaan.

"Kita nak wujudkan lebih banyak atlet dengan melihat program akar umbi, mengkaji struktur SUKMA. Sekarang kalau ada enam negeri yang nak sertai sesuatu sukan itu, baru ia boleh dianjurkan di

SUKMA. Peraturan seperti ini tidak bagus untuk pembangunan sukan.

"Saya akan melihat struktur SUKMA secara menyeluruh, reformasi, ahli Lembaga MSN yang ditugaskan untuk melihat perkara itu adalah S.Suriaghandi (Ahli Lembaga Pengurusan MSN)," ujar beliau.

SUKMA 2024 akan berlangsung di Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos ini.

Sebagai rekod, kontinjen WiPers menduduki tempat ketiga keseluruhan pada SUKMA XX MSN yang diadakan pada tahun lepas dengan pencapaian 55 pingat emas, 69 perak dan 65 gangsa. 

# Loceng kecemasan buat ibu bapa

**S**EBELUM ini negara pernah dikejutkan dengan beberapa kes pembunuhan kanak-kanak yang meruntun jiwa. Antara yang menjadi perhatian adalah membabitkan Nurin Jazlin Jazimin pada 2007.


Nurin Jazlin dilaporkan hilang pada 20 Ogos ketika dalam perjalanan ke pasar malam berdekatan rumahnya di Kuala Lumpur, namun pada 17 September 2007, mayat mangsa ditemui dalam beg sukan di hadapan sebuah kedai di Petaling Jaya, Selangor.

Kira-kira setahun kemudian, berlaku pula kes membabitkan Sharlinie Mohd Nashar, kanak-kanak perempuan berusia lima tahun dipercayai diculik ketika dalam perjalanan pulang selepas bermain dengan kakaknya di padang permainan kira-kira 200 meter dari rumah mereka di Taman Medan, Petaling Jaya. Kes Sharlinie sehingga kini menemui

jalan buntu.

Terbaharu, kanak-kanak autisme Zayn Rayyan Abdul Matiin, 6, pula ditemui tidak bernyawa di anak sungai berhampiran kawasan Apartmen Idaman, Damansara Damai pada 6 Disember lalu. Mangsa kemudian disahkan dibunuh berdasarkan hasil bedah siasat yang menemui kesan kecederaan pada leher dan badannya.

Kisah-kasih tragis ini bukan sahaja mendatangkan trauma kepada keluarga mangsa bahkan turut memberi kesan kepada pelbagai lapisan masyarakat dan tidak terkecuali juga selebriti.

Wartawan *Wilayahku*, **DEEL ANJER** sempat berkongsi langkah untuk mengelakkan kejadian tidak diinginkan berlaku kepada insan tersayang bersama selebriti popular Erra Fazira, Datuk Afdlin Shauki dan Hanez Suraya. 



## Kalau mampu guna cip

**PRIMADONA** filem Melayu, **Erra Fazira** mencadangkan agar ibu bapa yang berkemampuan menggunakan cip untuk mengesan keberadaan anak-anak.

Ia merupakan salah satu cara berkesan untuk memastikan keselamatan mereka terjamin sepanjang masa.

Apa yang berlaku sangat menyedihkan. Kisah kehilangan, penculikan dan pembunuhan yang melibatkan kanak-kanak sesuatu yang menakutkan.

“Kita sebagai ibu bapa sudah tentu mahukan yang terbaik untuk mereka. Zaman sekarang, kalau boleh nak pegang tangan anak, tak nak lepas dah.


“Bagi mereka yang berkemampuan, sekarang ini ada cip yang boleh mengesan mereka berada dan boleh diletakkan dalam poket. Iyalah, kita buat macam-macam usaha demi anak.

“Kalau tak berkemampuan, kita tetap kena pastikan keselamatan mereka misalnya sering beritahu mereka jangan jauh dari pandangan mata kita.

“Saya selalu ingatkan anak saya Aleesya dulu, terutamanya kalau sedang *shopping* di tempat ramai orang, *make sure you can see me and i can see you*. Kalau saya toleh *you* tak ada, saya akan marah,” ujarnya.

Erra juga sentiasa peka dengan isu semasa terutamanya jenayah dan dia turut berkongsi berita tersebut dengan anaknya.

“Pendekatan yang saya dan bekas suami buat, kami akan bacakan kepada Aleesya berita-berita berkaitan jenayah kanak-kanak yang berlaku di sekeliling kita.

“Jelaskan dengan cara paling mudah agar dia faham. Kena bagitahu betul-betul. Saya panggil Aleesya dan ceritakan jenayah penculikan yang berlaku sekarang,” tambahnya. 

# Hanya orang hebat boleh pegang amanah Allah

**SELEBRITI** popular **Datuk Afdlin Shauki** antara individu yang mengikuti dan peka dengan kes pembunuhan kanak-kanak sejak dahulu lagi.

Menyentuh tentang kanak-kanak autisme yang mati dibunuh baru-baru ini, Afdlin mengakui ia satu perkara yang sangat subjektif untuk diperkatakan.

Baginya, hanya mereka berpengalaman menguruskan anak seperti itu yang tahu cabaran perlu dilalui.

Dalam masa yang sama, beliau kagum dengan ibu bapa yang mempunyai anak autisme dan menyifatkannya sebagai insan hebat.

“Saya tak ada anak autisme pun boleh renggang dengan mereka kerana terlalu kuat bekerja. Anda bayangkan bagaimana hebatnya ibu bapa yang anak-anak mereka autisme.

“Saya ada kawan yang anaknya autisme, apa yang berlaku dia berhenti kerja. Dia jadi bapa sepenuh masa. Saya tanya macam mana



nak teruskan kehidupan dan sediakan keperluan keluarga, katanya Allah akan cari jalan untuknya,” kongsi.


Tambahnya isu jenayah terhadap kanak-kanak ini membuatkan ibu bapa mahupun masyarakat berwaspada akan bahaya yang mungkin terjadi.

“Kepada mereka yang mempunyai anak yang ada kelainan upaya ini (autisme), mereka sudah belajar erti pengorbanan sejak anak mereka kecil lagi.

“Jadi saya yakin, mereka telah lama berwaspada akan keselamatan anak mereka.

Tambah pula, sekarang macam-macam berlaku, sudah tentu ibu bapa lebih cakna dalam apa sahaja hal yang melibatkan anak.

“Saya memang ‘tabik’ sangat famili yang mempunyai anak autisme atau kelainan upaya.

Mereka sangat-sangat hebat. Cakap memang mudah, untuk berhadapan situasi anak autisme, hanya yang betul-betul hebat boleh memegang amanah Allah itu,” ujarnya. 



## Perlu sentiasa peka

**PELAKON** **Hanez Suraya** mula memperlahankan kerjaya seninya sejak berkahwin dengan Romie pada Mac 2015 untuk memberi fokus kepada anak-anak.


Bagi Hanez, kes jenayah kanak-kanak ini sepatutnya menjadi ‘loceng amaran’ kepada semua ibu bapa supaya lebih prihatin dan peka terhadap anak kecil.

“Sebagai orang dewasa, ibu bapa tidak boleh lalai daripada tanggungjawab untuk memastikan anak-anak sentiasa dilindungi serta terhindar daripada bahaya.

“Bukan sahaja anak kecil tetapi anak yang sudah besar pun kita tetap kena

peka. Jangan ambil mudah atau pandang remeh hal sebegini.

“Inilah antara sebab saya mula memperlahankan aktiviti seni. Iya, kalau teruskan berlakon pun masih boleh fokus anak-anak, tapi saya jenis yang mudah risau dan tak boleh duduk diam bila fikir pasal mereka.

“Saya rasa lega apabila menguruskan anak-anak sendiri. Sehegalkan mereka menyertai aktiviti sukan atau sekolah pun saya ikut. Saya yakin semua ibu bapa ada cara tersendiri untuk melindungi anak sama ada mereka bekerja atau tidak,” ujarnya. 



ADAMAS 'kejar'  
atlet lengkapan  
modul khas ▶▶ 22

Kalau mampu  
guna cip ▶▶ 23

Fenomena bebas anak

# Perlu faham hakikat perkahwinan

SABRINA SABRE

**P**ASANGAN yang mendirikan rumah tangga pastinya mengimpikan kehadiran cahaya mata sebagai pelengkap kehidupan. Namun ada juga suami isteri yang selesa menjalani kehidupan tanpa zuriat.

Antara alasannya mereka tidak bersedia bergelar ibu bapa, selesa hidup berdua dengan pasangan dan tidak ketinggalan juga disebabkan kos sara hidup yang agak tinggi pada masa kini.

Terbaharu ia juga mencetuskan fenomena bebas anak (*childfree*) di mana berkahwin tetapi tidak mahu memiliki anak sekali gus tidak merancang untuk menyambung keturunan.

Menurut penceramah bebas, **Amin Idris**, jika dilihat daripada perspektif hak asasi manusia, memilih untuk tidak memiliki anak selepas bernikah adalah bukan satu kesalahan kerana setiap individu berhak menentukan kehidupan masing-masing.

"Kita harus menghormati prinsip hidup orang lain dengan tidak terlalu cepat menghukum serta menyebarkan kebencian.

"Memang tidak dinafikan tidak berdosa dalam agama apabila berkahwin tetapi tidak mempunyai anak, apatah lagi mereka yang telah berusaha namun tidak mempunyai zuriat. Walau bagaimanapun, kita harus faham bahawa anak adalah hadiah atau anugerah terindah dari Allah dalam sesebuah perkahwinan.

"Firman Allah SWT: ...dia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya." (Surah al-Syura: 49)," ujarnya.

Malah, beliau berkata agama Islam turut menggalakkan kita memperbanyakkan zuriat untuk memperluaskan lagi jumlah umat Muhammad SAW di dunia.

Dalam masa sama, Amin memberitahu Islam melarang umatnya yang berkahwin mencegah kehamilan tanpa sebab yang munasabah.

"Berkahwin dengan niat mahu mencegah kehamilan semata-mata inginkan keseronokan serta kebebasan adalah berdosa dan hukumnya haram kerana ia tidak selari dengan matlamat perkahwinan menurut syariah.

"Islam amat menggalakkan agar setiap pasangan suami isteri berazam dan berusaha untuk mempunyai anak. Bagi mereka yang tidak mempunyai anak setelah berusaha tidak dikira sebagai satu kesalahan dan berdosa di sisi syarak," ujarnya.

Beliau berkata hal ini kerana Allah SWT sahaja yang berhak dan berkuasa untuk menciptakan setiap nyawa di muka bumi ini. "Selain itu, seperti semua sedia maklum doa seorang anak adalah antara perkara yang boleh dibawa selepas mati.

"Daripada Abu Hurairah R.A, Nabi SAW bersabda: Apabila matinya seseorang insan, maka akan terputuslah amalnya melainkan tiga perkara iaitu: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan juga anak soleh (atau solehah) yang mendoakan kepada kedua ibu bapanya. Riwayat Muslim (1631)

"Kita ni amalan banyak mana sangat, maka agama sediakan cara agar ibadah kita kekal hidup. Salah satunya adalah doa daripada anak-anak. Doa anak sangat powerful dan tiada hijab, walaupun kita dah mati. Doa anak-anak yang bantu meringankan azab kubur, doa anak-anak juga membantu menambahkan pahala untuk ke syurga. Maka rugi besarlah mereka yang tiada usaha mempunyai anak.

"Nak merancang itu boleh, tapi janganlah sampai berniat untuk tidak mempunyai anak. Siapa nak terus bawa legasi nama dan doakan untuk kita bila kita dah tiada nanti?"

ujarnya.

Pengacara televisyen itu berkata merancang keluarga boleh dibahagikan kepada dua iaitu *Tahdid al-Nasal* dan *Tanzim al-Nasal*.

"Jenis yang pertama bererti mengehadkan atau menamatkan terus kemampuan pasangan untuk mendapat anak. Ramai tokoh sarjana Islam dan badan berautoriti berfatwa bahawa haram melakukan perancangan keluarga jenis ini. Ini kerana syarak sendiri menggalakkan agar kita mendapat anak.

"Manakala jenis kedua bererti menjarakkan anak bagi tujuan kestabilan keluarga dan mengelakkan cacamarba dalam pengurusan rumah tangga. Dalam hal ini, sebahagian besar ulama membenarkan untuk menjarakkan sedikit mendapat anak. Itu pun dengan iktikad bahawa jika Allah SWT kehendaki dan tetap mendapat anak, maka itu adalah rezeki, hadiah dan amanah daripada-Nya," jelasnya.

Sementara itu, Amin berkata punca wujudnya sesetengah mentaliti pasangan yang memutuskan untuk tidak mahu mempunyai anak selepas berkahwin adalah kerana kejahilan dalam memahami konsep sesebuah perkahwinan.

"Hal ini adalah disebabkan mereka jahil memahami tujuan nikah, tujuan hidup dan tujuan agama. Tidak dinafikan kerana tekanan hidup yang mengakibatkan ramai nak melepaskan diri daripada tanggungjawab. Walhal hakikat hidup ialah kita mesti bertanggungjawab untuk menghadapi cabaran hidup, bukan lari daripada sebarang masalah.

"Punca lain yang dikenal pasti disebabkan pengaruh barat, pengaruh liberal dan hedonisme menyebabkan ramai hanya nak yang mudah," ujarnya. 📌



t.me/wilayahku

SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR